

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 10 APRIL 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM

TARIKH : 10.04.2019 (RABU)

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana pemberian subsidi petrol bersasar bagi golongan berpendapatan rendah 40% (B40) akan dilaksanakan—sama ada suatu kad petrol akan diberi dan adakah pihak pengusaha stesen minyak akan dibayar pampasan diskaun untuk mengganti pemotongan harga.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada Pembentangan Belanjawan 2019 kerajaan telah mengumumkan perlaksanaan satu dasar yang dinamakan Bantuan Subsidi Petrol 95 yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Terdapat tiga (3) komponen penting iaitu, pertama **pemilihan vendor** yang akan membangunkan sistem bagi membantu pelaksanaan subsidi petrol bersasar ini yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan. Ianya telahpun dimuktamadkan dengan memilih satu vendor untuk bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dalam melaksanakan sistem ini.

Komponen kedua ialah **penerimaan** iaitu kerajaan bercadang untuk menggunakan data yang telah dibangunkan di bawah program bantuan sara hidup yang membabitkan kumpulan B40 yang dibangunkan di bawah Kementerian Kewangan sebagai data asas rakyat yang layak menerima petrol subsidi bersasar ini

Komponen ketiga, libat **urus (engagement) kementerian** ini sendiri yang telah mengadakan engagement dengan pelbagai pihak, syarikat-syarikat minyak, pengusaha-pengusaha minyak, persatuan-persatuan

NO. SOALAN : 1

pengguna dan ahli-ahli ekonomi untuk memperhalusi lagi idea ini supaya apabila pengumuman yang kita muktamakan berjalan dengan lancar.

Pembayaran subsidi kepada pengusaha stesen minyak kerana menjual petrol pada harga yang lebih rendah; Kementerian berpandangan bahawa **beban tanggungan subsidi ini tidak boleh diberikan kepada pengusaha stesen minyak** memandangkan ia boleh menjejaskan aliran tunai perniagaan yang kemudiannya boleh menjejaskan bekalan petrol. Kementerian amat prihatin bagi memastikan bekalan barang kawalan sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat pada setiap masa. Bagi tujuan ini, mekanisme tuntutan subsidi ini sedang diperhalusi dan akan diumumkan setelah dimuktamadkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah status pembangunan projek kereta nasional baharu (NNCP)- program pembangunan vendor pada tahap pertama pelaksanaan dalam meningkatkan penyertaan vendor tempatan sebagai pemain utama dalam membekalkan komponen kenderaan bagi membangunkan projek NNCP berserta dengan perbelanjaan yang telah dilaburkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa ini, MIGHT selaku agensi pelaksana Projek Kereta Nasional Baharu (NNCP) telah pun mengenal pasti dan sedang berbincang dengan syarikat *Original Equipment Manufacturer* (OEM) untuk bekerjasama dalam NNCP ini. MED juga telah mewujudkan portal Projek Kereta Nasional Baharu (NNCP) di laman web rasmi Kementerian bertujuan untuk mengenal pasti bilangan vendor-vendor automotif yang mempunyai kemudahan dan infrastruktur untuk menyokong pembangunan NNCP. Sehingga kini, sebanyak 145 syarikat telah berdaftar mengikut senarai alat dan komponen kereta yang dibekalkan oleh vendor.

2. Kementerian dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) sedang membuat analisis terhadap senarai vendor-vendor tempatan yang telah berdaftar dengan MED untuk mengadakan padanan di antara syarikat *anchor* dan vendor bagi mengenal pasti komponen-komponen yang boleh dibekalkan. Hasil dari padanan syarikat *anchor* dan vendor akan mewujudkan mekanisme pembekalan alat dan komponen kereta yang lebih sistematik serta meningkatkan kemahiran teknikal dan pembangunan kapasiti supaya pembekalan alat dan komponen memenuhi standard dan kualiti NNCP.

3. NNCP ini juga akan diterajui dan dibiayai oleh pihak swasta di mana Kerajaan hanya berperanan sebagai pemudah cara pelaksanaan projek ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan penubuhan Majlis Tahfiz Negara, adakah kerjasama daripada Kerajaan Negeri diperlukan untuk melaksanakan dasar dan menjalankan penguatkuasaan terhadap maahad tahfiz di negeri-negeri terbabit dan bagaimanakah ini dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tahfiz Negara merupakan sebuah jawatankuasa yang akan berperanan sebagai jawatankuasa pengiktirafan dengan objektif mewujudkan dan menyelaraskan mekanisme pengiktirafan, memberi pengiktirafan kepada huffaz dan memantau pematuhan standard pengiktirafan yang diberikan.

Lima fungsi utama MTN adalah:

1. Membangunkan standard pengiktirafan;
2. Melantik panel pengiktirafan;
3. Memberi pengiktirafan kepada mana-mana hafiz;
4. Memberi pengiktirafan kepada institusi tahfiz;
5. Memastikan pematuhan standard pengiktirafan.

Cadangan penubuhan majlis tahfiz atau badan pengiktirafan tahfiz di bawah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) merupakan antara inisiatif Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), melalui Teras ke **Lima** iaitu *“Mewujudkan Sistem Pengiktirafan Dan Pensijilan Bagi Institusi Tahfiz.”*

Pewujudan MTN bukanlah bertujuan untuk melaksanakan penguatkuasaan penguatkuasaan kerana penguatkuasaan institusi pendidikan Islam merupakan bidang kuasa Pihak Berkuasa Agama Negeri di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama, peraturan dan kaedah yang sedang berkuatkuasa di mana-mana negeri berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan DPTN dan pelaksanaan MTN, kerjasama Pihak Berkuasa Agama Negeri adalah sangat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan dasar, fungsi dan keberkesanannya dapat dicapai secara komprehensif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH JAWAPAN : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO.4

YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan:

(b) adakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan had harga siling air bagi setiap negeri; dan

(b) apakah justifikasi Kementerian terhadap cadangan untuk menaikkan tarif air di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian pada masa ini tidak berhasrat untuk menetapkan had harga siling air bagi setiap negeri. Malah dalam konteks Malaysia, perkara ini sukar dilaksanakan. Hal ini adalah kerana struktur dan komponen utama kos dalam penyediaan perkhidmatan air iaitu kos rawatan dan pengagihan air adalah berbeza mengikut negeri. Kos ini secara lazimnya akan meningkat saban tahun selari dengan peningkatan permintaan air bagi menyokong pembangunan ekonomi negara dan pertumbuhan penduduk dalam membawa Malaysia menjadi negara maju.
2. Cadangan pelarasan tarif melalui *Tariff Setting Mechanism* (TSM) bertujuan mengimbangi pelaburan dalam penyediaan bekalan air bagi memenuhi keperluan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti kepada pengguna. TSM dalam konteks ini dapat memastikan operator air mempunyai kedudukan kewangan yang membolehkan mereka terus melabur bagi penyediaan perkhidmatan secara berterusan kepada rakyat Malaysia. Tarif air yang rendah pada masa ini tidak melambangkan kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air di mana telah menjejaskan prestasi perkhidmatan beberapa operator air, seperti di negeri Perlis dan Pahang. Tambahan lagi, kenaikan kos operasi tahunan tidak diimbangi dengan kenaikan tarif yang setara sekaligus meletakkan beberapa operator air dalam kedudukan kewangan yang sukar untuk memberikan perkhidmatan air yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : PERATURAN MESYUARAT 22(5)
DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN
KAWASAN : RASAH
TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)**

SOALAN :

YB TUAN CHA KEE CHIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk 'mensifarkan' bayaran tol untuk laluan di antara plaza-plaza tol Bandar Ainsdale, Seremban, Port Dickson (Rasah) dan Port Dickson yang sangat dekat jaraknya dan dianggap sebagai plaza tol dalam bandar Seremban.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin bagi memenuhi janji-janji dalam buku Pakatan Harapan dan ini termasuklah cadangan menghapuskan tol lebuh raya di negara ini. Namun begitu, Kerajaan mengakui cadangan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, khususnya akibat dari tekanan kewangan semasa yang sedang dihadapi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneliti dan mengambil kira secara mendalam pelbagai faktor serta implikasi yang mungkin akan timbul akibat dari cadangan penghapusan tol lebuh raya di negara ini. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju untuk menangguhkan dahulu cadangan penghapusan tol sehingga keadaan ekonomi negara benar-benar stabil dan mengizinkan.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kerja Raya telah melantik juru perunding audit bebas bertauliah pada 28 Januari 2019 bagi membantu Kerajaan menganalisa data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Jun 2019 nanti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

**DARIPADA : Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh
[Bukit Gelugor]**

SOALAN : 7

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal satu Akta Anti-Lompat Parti ('Anti-hopping') yang mengharamkan sebarang aktiviti atau tindakan lompat parti dalam kalangan ahli-ahli sesebuah parti politik.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab pertanyaan lisan berkenaan isu penggubalan undang-undang anti lompat parti secara bersekali dengan soalan nombor 22 bertarikh 10 April 2019 yang dikemukakan oleh YB Pontian.
2. Perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kepada semua warganegara untuk membentuk persatuan seperti yang berikut:

“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

(a) ...

(b) ...

(c) *semua warganegara berhak untuk membentuk Persatuan.”.*

3. Hak untuk membentuk persatuan yang dijamin di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan turut merangkumi hak untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dan juga hak untuk meletak jawatan dalam sesuatu persatuan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Agong dalam kes ***Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ (Rep) 72 (SC)***, telah diputuskan bahawa peruntukan undang-undang mengenai larangan melompat parti merupakan sekatan kepada hak untuk membentuk persatuan di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

4. Pada 16 Oktober 2018, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan jawapan kepada pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kepong di Dewan Rakyat berkenaan isu yang sama. Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah seperti yang berikut:

“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Suruhanjaya Pilihan Raya berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.”.

5. Namun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk membuat apa-apa undang-undang untuk menyekat tindakan melompat parti, undang-undang tersebut hendaklah dibuat oleh Parlimen dan tertakluk kepada sekatan yang dibenarkan di bawah perenggan (c) Fasal (2) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

10. (2) *Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—*

- (a) ...*
- (b) ...*
- (c) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.”*

6. Walau bagaimanapun, sekiranya undang-undang larangan melompat parti dihasratkan untuk menghilangkan kelayakan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri dan kerusinya akan dikosongkan jika beliau melompat parti, undang-undang tersebut adalah tidak selaras dengan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan kerana Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan tindakan melompat parti akan menyebabkan seseorang

ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri hilang kelayakan untuk menjadi mana-mana ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri.

7. Berhubung dengan cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan pula, Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan ini dimasukkan melalui Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990 [Akta A767]. Semasa pembentangan pindaan tersebut di Dewan Rakyat pada 14 Mac 1990 (di muka surat 39 Penyata Rasmi Dewan Rakyat), Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (Perdana Menteri pada ketika itu) telah menjelaskan bahawa tujuan pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

“Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula dalam pilihan raya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkannya itu. Ketiadaan halangan ini memungkinkan seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan bertanding semula bagi kerusi yang sama semata-mata untuk menguji atau membuktikan popularitinya. Apabila ini dilakukan, maka banyaklah masa, tenaga dan wang yang terbuang sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.”

8. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan suatu perkara dasar yang hendaklah dipertimbangkan oleh Kerajaan dengan berhati-hati dengan mengambil kira tujuan asal Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

UNDANG-UNDANG DANA POLITIK

9. Pertanyaan berkenaan Undang-undang Dana Anti Politik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri sedang menyelaraskan dengan jabatan/ agensi berkaitan bagi merangka cadangan penggubalan suatu rang undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik.

10. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah melihat undang-undang berkaitan dana politik negara luar yang bersesuaian untuk dijadikan panduan dan penanda aras di Malaysia. Setakat ini, kajian telah dibuat kepada undang-undang negara seperti United Kingdom, Jerman, Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Austria, Chile dan Mexico. Rang undang-undang berkaitan dana politik ini akan dibentangkan di Parlimen setelah semua perkara dasar dimuktamadkan kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program baru yang bertujuan membantu dan membimbing golongan muda, yang dilaksanakan di seluruh Malaysia, khususnya di Sarawak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan banyak program-program baru berserta dengan program-program lama yang didapati baik untuk diteruskan seperti program Felo Perdana, Parlimen Belia dan Fit Malaysia. Walau bagaimanapun, program-program lama tersebut telah dibuat penambahbaikan. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah dengan melaksanakan program Fit Malaysia secara *in house* oleh penjawat-penjawat awam berbanding dilaksanakan secara *outsourcing* kepada syarikat luar sebelum ini. Dengan menggunakan kaedah ini, kerajaan berjaya mengurangkan kos pelaksanaan program daripada RM1.3 juta kepada RM300 ribu iaitu penjimatan sebanyak RM1 juta.

2. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan menyenaraikan enam (6) program baru yang sedang dilaksanakan. Antara program baru tersebut ialah program reben kuning iaitu program yang dirangka untuk membantu golongan belia berisiko khususnya bekas banduan muda. Sebagai pemangkin dalam pelaksanaan program ini, kementerian telah berbincang bersama

Kementerian Kewangan untuk memberikan insentif potongan cukai kepada syarikat-syarikat yang mengambil golongan belia ini bekerja.

3. Golongan belia ini terutamanya belia-belia yang berstatus Orang Kena Pengawasan (OKP) dan juga belia yang tercicir daripada mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga turut diberikan peluang kedua dengan ditempatkan di 22 institusi TVET di bawah Kementerian Belia dan Sukan di bawah program STAR@U. Malah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seorang belia dalam kategori ini sedang berkhidmat di pejabat saya dan dua (2) orang lagi akan dilantik pada masa akan datang.

4. Inisiatif lain yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan ialah program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang mana penjelmaan program ini adalah ilham daripada YAB Perdana Menteri. Pelaksanaan MFLS terdiri daripada 3 fasa iaitu fasa pertama adalah fasa pemilihan peserta di peringkat sekolah. Peserta-peserta akan dipilih daripada kalangan pelajar-pelajar yang terbaik dan pemilihan ini juga akan mengambil kira pelajar-pelajar daripada Sabah, Sarawak dan kategori B40 termasuk secara pengambilan khas.

5. Pada fasa kedua, peserta akan menjalani latihan selama 12 hari dengan menggunakan modul yang dirangka khas oleh Khazanah Nasional dan Earnst & Young. Daripada kalangan peserta ini, seramai 200 orang anak muda pemimpin akan dipilih untuk ditempatkan di pejabat-pejabat ahli parlimen, pejabat DUN, pejabat menteri, CEO, pengerusi dan di syarikat-syarikat terkemuka di dalam Malaysia dan antarabangsa.

6. Bagi program Felo Korporat, kementerian telah berkolaborasi dengan 20 syarikat terkemuka di Malaysia seperti Shell, Petronas dan sebagainya supaya syarikat-syarikat ini dapat mengambil dua (2) hingga tiga (3) orang anak muda tokoh korporat untuk bekerja dengan mereka.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah bersetuju agar lebih banyak anak muda dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sebagai salah satu bentuk

pengiktirafan kepada anak muda. Sebagai contoh, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Institut Sukan Negara (ISN) adalah penjawat awam muda berumur 40 tahun. Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Stadium Malaysia juga terdiri daripada ramai di kalangan anak-anak muda. Jazeman Jaafar iaitu pelumba negara telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di bawah Sepang International Circuit dan banyak lagi contoh yang lain.

8. Selain daripada inisiatif pelaksanaan program, kementerian tidak lupa untuk membantu negeri-negeri pembangkang seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kementerian juga tidak lupa untuk membantu membangunkan sukan khas di luar bandar di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, di negeri Terengganu kerajaan telah memperuntukkan RM60 juta untuk membangunkan infra sukan luar bandar agar belia berisiko tidak cenderung untuk mengambil dadah dan merempit pada waktu malam. Di Kelantan kerajaan menyalurkan RM42 juta, di Pahang kerajaan menyalurkan RM131 juta, di Sarawak bagi program sukan di kawasan luar bandar sahaja sebanyak RM16 juta. Ini kerana KBS melihat sukan bukan sahaja melahirkan atlet tetapi untuk membangunkan anak muda dan mengelakkan daripada budaya-budaya negatif.

9. Kementerian menyeru agar semua pihak menyumbangkan bantuan untuk membangunkan anak muda kerana pembangunan belia adalah tanggungjawab semua. Pihak kerajaan dan pembangkang akan bekerjasama kerana banyak lagi program yang akan diperkenalkan seperti TVET khas untuk anak-anak tahfiz, TVET khas untuk golongan asal (*indigenous*) di Sabah dan Sarawak termasuk orang asli. Pada sesi mesyuarat akan datang, kerajaan akan menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun bagi memperkasakan anak muda tanpa mengambil kira fahaman politik.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kerja Raya dan pihak Jambatan Pulau Pinang pertama untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan di Jambatan Pulau Pinang pertama untuk mengelakkan kejadian kenderaan-kenderaan terhumban ke dalam laut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Syarikat Konsesi (PLUS Berhad) sentiasa memastikan tahap keselamatan dan penyenggaraan Jambatan Pulau Pinang pertama sentiasa dalam keadaan terbaik. Jambatan Pulau Pinang mempunyai ciri keselamatan seperti berikut:

1. Membina parapet jambatan mengikut spesifikasi rekabentuk yang telah direkabentuk oleh juruperunding bertauliah dan diluluskan oleh LLM;
2. Menyediakan hentian kecemasan di kedua-dua arah;
3. Memasang lampu jalan di sepanjang jambatan;
4. Membina penghadang anti glare yang bertujuan untuk menghalang silau kepada pemandu;
5. Memasang 24 unit CCTV di sepanjang jambatan untuk pemantauan;
6. Memasang 4 unit Variable Message Sign(VMS) utk penyaluran maklumat;
7. Memasang papantanda dan penguatkuasaan had laju 80kmj bersama agensi penguatkuasa di atas jambatan; dan
8. Melaksanakan warta larangan kenderaan berat pada waktu puncak pagi dan petang (6.30 pagi- 8.30 pagi, 5.00petang- 7malam).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemalangan yang menyebabkan kenderaan terhumban ke laut adalah berpunca daripada kelajuan dan pihak PLUS bercadang untuk memasang kamera AWAS di Jambatan berkenaan dan akan merujuk kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhubung perkara ini. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI SALIM SHARIFF
(JEMPOL)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan semasa berkaitan pendaftaran skim perlindungan insurans di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Socso) dalam kalangan pemandu teksi dan e-panggilan serta tindakan yang bakal diambil sekiranya gagal untuk berbuat demikian.

PN-1412- L03477

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sejak Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dikuatkuasakan pada 1 Jun 2017 sehingga 29 Februari 2019, sebanyak 11,355 orang Pemandu Teksi dan E-Hailing yang aktif telah mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Dalam tempoh sama seramai 111 Orang Berinsurans PERKESO telah menerima faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan. Buat permulaan akta ini memberi perlindungan kepada semua pemandu teksi yang bekerja sendiri atau perkhidmatan seumpamanya sebelum diperluaskan kepada sektor informal yang lain. Pada 1 Februari 2019, skim ini telah diperluaskan dan dikuatkuasakan ke atas Pemandu Bas.

2. Memandangkan skim ini baharu diperkenalkan pada tahun 2017, PERKESO ketika ini mengambil pendekatan "*soft approach*" dengan mempergiatkan aktiviti dan program meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemandu teksi, Grab dan perkhidmatan seumpamanya. Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO tetapkan menguatkuasakan akta dan peraturan bagi memastikan pemandu teksi dan *e-hailing* yang bekerja sendiri serta yang seumpama dengannya mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Tindakan pengkompaunan dan pendakwaan boleh diambil di bawah Akta 789 terhadap mereka yang tidak atau gagal mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah “Standard Operating Prosedur” Pusat Analisis Sains Forensik Kimia Malaysia untuk bahan-bahan yang digunakan untuk bagi pembuktian secara forensik untuk kes-kes Narkotik

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bahagian Narkotik, Pusat Analisis Sains Forensik Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) mengguna pakai prosedur antarabangsa yang telah disyorkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crime, Vienna* dalam menganalisis bahan-bahan yang digunakan bagi pembuktian secara forensik dalam kes-kes Narkotik. Berpandukan prosedur antarabangsa ini, Bahagian Narkotik telah membangunkan dokumen “*Narcotics Division Procedures Manual*” untuk kegunaan dan rujukan makmal-makmal Narkotik KIMIA Malaysia seluruh negara.

2. Bahagian Narkotik, Pusat Analisis Sains Forensik KIMIA Malaysia telah mendapat pengiktirafan dan pensijilan antarabangsa, *American National Standard Institute - National Accreditation Board (ANAB) - ISO/IEC 17025:2005* dalam bidang analisis dadah berbahaya. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR.HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pewartaan kawasan larangan merokok di tempat makan awam dan penguatkuasaan larangan ini dalam mengurangkan aktiviti merokok di tempat awam.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pewartaan kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) adalah bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia kepada Artikel 8, WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC).

Larangan merokok di tempat makan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018. Pelbagai reaksi telah diterima semenjak larangan tempat makan terbuka dilaksanakan di mana majoriti rakyat menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan tempat-tempat awam bebas daripada bahaya racun asap rokok dan tembakau. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “*soft approach*” dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan hingga Jun 2019 bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Sehingga kini sebanyak 25,574 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 23,528 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan 2,046 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Selepas tempoh penguatkuasaan pendidikan, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan bermula Julai 2019.

Satu kajian ringkas berkaitan pematuhan orang awam terhadap larangan merokok telah dijalankan bermula 7 hingga 14 Januari 2019 di seluruh Malaysia. Tujuan utama kajian ringkas ini adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan teguran yang dibuat oleh Tuan Punya Premis dalam memastikan larangan merokok di patuhi. Kajian ini dijalankan secara rawak (*convenience sampling*) oleh pegawai penguatkuasa KKM semasa aktiviti penguatkuasaan minggu kedua

bulan Januari 2019 dijalankan melibatkan 26,843 premis. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 88% mereka yang ditegur oleh Tuan Punya Premis akur akan teguran yang diberikan dan hanya 12% yang tidak mengendahkan teguran tersebut. Ini menunjukkan satu tindakbalas yang positif dan masyarakat mula menerima larangan yang telah dikuatkuasakan ini.

Yang di-Pertua,

KKM juga komited untuk memastikan mereka yang telah terjebak dengan tabiat merokok diberikan rawatan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Perkhidmatan berhenti merokok mQuit merupakan satu penjenamaan semula perkhidmatan berhenti merokok yang dikendalikan secara usaha sama di antara KKM dengan rakan kongsi yang terdiri daripada universiti tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat-syarikat swasta. Sehingga kini, perkhidmatan berhenti merokok ditawarkan di 731 klinik kesihatan, 46 hospital kerajaan dan 164 fasiliti swasta yang telah diberikan akreditasi.

Selain itu, semenjak pewartaan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok, laman web jomquit.moh.gov.my yang disediakan bagi kemudahan golongan perokok untuk mendaftarkan diri ke mana-mana perkhidmatan berhenti merokok telah menunjukkan sambutan luar biasa di mana sehingga awal bulan April 2019, seramai 490 orang telah berdaftar untuk berhenti merokok. Oleh itu, KKM merasakan pewartaan tempat makan sebagai tempat dilarang merokok adalah satu langkah yang positif bagi meningkatkan tahap kesihatan seluruh rakyat Malaysia. KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB
(MARAN)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat secara terperinci berkenaan jumlah tenaga pakar tempatan yang berjaya dibawa kembali bekerja di Malaysia dan di mana ditempatkan melalui agensi Talent Corporation Malaysia Berhad yang kini diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Benarkah juga fungsi Talent Corporation Malaysia Berhad ini diperluaskan kepada membawa dan mencadangkan kelulusan pegawai dagang. Jika benar berapakah bilangan mereka dan dimanakah mengikut industri.

PN-1412- L03822

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah membuat beberapa perancangan jangka-pendek dan jangka panjang untuk menarik profesional Malaysia yang bermastautin di luar negara pulang berkhidmat di tanah air. Antaranya adalah:

- Mengadakan sesi temu seru (*outreach*) dengan para profesional Malaysia terutamanya di negara-negara yang dikenali mempunyai populasi rakyat Malaysia yang tinggi. Sesi temu seru ini diadakan dengan keterlibatan syarikat Malaysia dengan matlamat untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional yang terbuka luas di Malaysia. Seterusnya, memudahkan kepulangan profesional Malaysia melalui *Returning Expert Programme (REP)*.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Program REP memberi suatu bentuk pemudahan (*facilitation*) untuk pulang kepada pakar-pakar warga negara Malaysia yang berada di luar negara dan mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang amat diperlukan negara. Insentif yang diberikan

SOALAN NO: 14

kepada individu-individu yang mendapat kelulusan di bawah Program REP adalah seperti berikut:

- Pertama, kadar cukai 15 peratus atas pendapatan pekerjaan yang dikenakan cukai bagi tempoh lima tahun berturut-turut apabila kembali ke Malaysia;
- Kedua, pengecualian duti / cukai ke atas pembelian sebuah kereta buatan tempatan (CKD) atau membawa balik kereta import sepenuhnya yang telah siap dipasang di negara pengeluar (CBU) bagi setiap pemohon REP yang diluluskan, tertakluk kepada nilai pengecualian cukai sebanyak RM150,000;
- Ketiga, pemberian taraf Pemastautin Tetap (*Permanent Resident*) bagi pasangan dan anak yang memegang kewarganegaraan asing melalui pengeluaran Permit Masuk secara *fast track* dalam tempoh enam (6) bulan selepas permohonan lengkap diterima oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- Keempat, pengecualian cukai bagi semua barangan milik peribadi yang dibawa ke Malaysia.

3. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa

SOALAN NO: 14

industri dan ekonomi negara. Melalui penambahbaikan pelaksanaan REP juga, lebih 5,000 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini dari tahun 2011 hingga 2018. Antara Sektor Industri Teratas bagi kelulusan REP ialah:

Bil.	Sektor	Peratusan
1.	Minyak, Gas dan Tenaga	20%
2.	Perkhidmatan Kewangan	15%
3.	Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) dan & Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)	14%
4.	Elektrik & Elektronik	8%

4. Sebagai perancangan jangka panjang, Kementerian juga telah mengambil pendekatan strategik untuk memudahkan bakat Malaysia di luar negara memberikan sumbangan mereka untuk pembangunan negara. Pendekatan-pendekatan yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- Pertama, perkongsian, pertukaran dan pemindahan ilmu pengetahuan, kemahiran, teknologi dan kajian dalam bidang pembelajaran dan pertumbuhan utama negara;
- Kedua, memudahkan jaringan perhubungan untuk memacu lebih banyak sumbangan dari bakat-bakat Malaysia di luar negara;
- Ketiga, mewujudkan ruang perniagaan melalui perkongsian, usaha sama dan peluang pelaburan;

SOALAN NO: 14

- Keempat, platform perkongsian hasil kajian dan syor-syor penambahbaikan berkaitan dengan sektor utama ekonomi; dan
- Kelima, khidmat rundingan profesional dan maklumat dalam bidang kepakaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan mengamalkan dasar di mana keutamaan penggajian diberikan kepada warga tempatan terutamanya dalam bidang berkepakaran tinggi. Pihak majikan kebiasaannya akan turut mengutamakan pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan-kekosongan bagi jawatan yang diperlukan. Pengambilan Pegawai Dagang (*Ekspatriat*) hanya akan dilakukan apabila kemahiran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan.

6. Permohonan bagi jawatan ekspatriat ini juga perlu dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan yang ditentukan mengikut jenis-jenis perniagaan dan industri. Selain itu, pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa kebanyakan majikan tidak melanjutkan tempoh kontrak yang telah ditawarkan dan perkara ini dapat dilihat dari aspek bilangan ekspatriat yang tidak berubah.

SOALAN NO: 14

7. Sebagai menambahbaik kawalan penggajian ekspatriat, kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi terlibat akan dipertingkatkan dengan memperkenalkan langkah-langkah yang lebih berkesan seperti pelaksanaan sistem pelbagai agensi yang bersepadu.

8. Pada akhir tahun 2018, jumlah bilangan ekspatriat di Malaysia adalah seramai 117,000 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 41,523 Pas Penggajian telah diluluskan melalui MYXpats Centre. Ini termasuk 13,362 ekspatriat di bawah Kategori 1; 26,003 ekspatriat di bawah Kategori 2; dan 2,158 ekspatriat di bawah Kategori 3.

9. Daripada lebih 16,900 syarikat yang mendaftar di bawah sistem Expatriate Services Division (ESD), golongan ekspatriat hanya terdiri daripada 10 peratus jumlah pekerja di bawah syarikat-syarikat tersebut, manakala 90 peratus pekerja lain adalah warga tempatan. Syarikat-syarikat ini merangkumi 22 sektor utama industri termasuk sektor Penerbangan, Perkhidmatan Perniagaan, Pembangunan, Pendidikan, Pembuatan, dan Minyak dan Gas.

10. Melalui inisiatif-inisiatif sebagaimana yang telah dinyatakan ini, Kerajaan komited untuk menarik, memupuk dan mengekalkan bakat-bakat berkemahiran tinggi warga Malaysia untuk memberi sumbangan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperlukan bagi pembangunan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 15

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan menzahirkan butiran mandat Kerajaan Persekutuan dan dokumen / asas perundangan yang memberi tanggungjawab kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur secara khususnya untuk masing-masing menjadi pengerusi dan ahli lembaga Yayasan Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebuah 'Syarikat Berhad Menurut Jaminan' yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, pada 9 April 1986. Menurut *Memorandum & Articles of Association* Yayasan Wilayah Persekutuan, Artikel 22 menyatakan dengan jelas "*that the Board shall have a Chairman who shall be the Minister*". "*Minister means the Minister of the Federal Territories*" sepertimana yang dinyatakan di Artikel 1. Buat masa ini, saya adalah Menteri Wilayah Persekutuan dan berdasarkan kedua-dua artikel di atas, saya secara langsung mempunyai tanggungjawab untuk menjadi Pengerusi di Yayasan Wilayah Persekutuan dan berdasarkan artikel ini juga, mandat Kerajaan Persekutuan tidak diperlukan.

Mengenai pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah di Yayasan Wilayah Persekutuan pula, Artikel 14 *Memorandum & Articles of Association* Yayasan Wilayah Persekutuan menyatakan, *“The Minister may invite any representative of any government department or any other person that represents certain professional groups, business and industrial sector, mass media, political groups and the public to members of the Board”*. Sehubungan itu, berdasarkan artikel ini, sebagai Pengerusi Yayasan Wilayah Persekutuan, saya boleh menjemput mana-mana individu yang dirasakan sesuai sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah di Yayasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Wilayah Persekutuan, mandat Kerajaan Persekutuan tidak diperlukan kerana ianya adalah kuasa lantikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Wilayah Persekutuan tidak mempunyai pegangan saham, dan segala keuntungan yang diperolehi melalui urusan perniagaannya tidak memberikan sebarang pulangan kepada mereka.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai kedudukan pembinaan jalan 4 lorong Ayer Keroh-Jasin-Tangkak Fasa 2 dan 3 akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek bagi dua (2) fasa seterusnya iaitu Fasa 2 dari Jasin ke Tangkak sepanjang 7.6 km dan Fasa 3 dari Bemban ke Jasin sepanjang 9.2 km telahpun dikemukakan untuk kelulusan Agensi Pusat pada *Rolling Plan* 1 (RP1) dan *Rolling Plan* 3 (RP3) dalam tempoh RMKe-11. Namun demikian, berdasarkan kepada keutamaan projek, cadangan untuk fasa – fasa tersebut tidak mendapat kelulusan dari Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia untuk menyenaraikan semula projek ini di dalam pelaksanaan *Rolling Plan* yang akan datang sekiranya projek ini tersenarai dalam projek keutamaan kerajaan negeri serta memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program peningkatan atlet termasuk status tiga fasa pemilihan atlet untuk mewakili negara ke Sukan Asia Tenggara (SEA) ke- 30 yang akan diadakan di Filipina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) telah melaksanakan program pembangunan dan senior bagi memastikan kesinambungan prestasi atlet dapat diteruskan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil dari pelaksanaan program latihan yang disusun rapi dan sistematik mampu menghasilkan kejayaan atlet dan kontinjen negara. Ini dapat dilihat melalui program Kita Juara yang dijalankan mulai tahun 2015 dimana kontinjen negara berjaya muncul Juara Keseluruhan di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dengan memperolehi 145 pingat emas dari keseluruhan acara dan sukan yang dipertandingkan.
3. Program penyediaan atlet yang baru secara berfasa telah dirangka semula sejurus tamatnya Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program atlet ini telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa iaitu Fasa Pertama bermula Januari hingga 31 Disember 2018 dengan

penglibatan seramai seramai 327 atlet, 67 jurulatih daripada 24 jenis sukan bagi menyertai Sukan Komanwel, Gold Coast 2018 dan Sukan Asia, Jakarta 2018 yang lalu.

4. Fasa Kedua yang melibatkan program latihan secara sepenuh masa dan berfasa telah bermula pada 1 Januari hingga Jun 2019, dengan penglibatan seramai 503 atlet dan 104 jurulatih. Peningkatan jumlah atlet dan jurulatih ini adalah berdasarkan kepada jumlah acara yang dipertandingkan di Sukan SEA Manila 2019.
5. Manakala Fasa Ketiga pula akan bermula pada bulan Julai 2019 dimana pemilihan atlet ke program fasa ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan, Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Jawatankuasa Pemilihan ini turut disertai oleh MSN serta ISN dan dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2019. Hanya atlet-atlet yang disenarai pendek sahaja dengan sasaran yang ditetapkan akan meneruskan program latihan sehingga menyertai Temasya Sukan SEA Manila 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan meneruskan pembinaan Klinik Kesihatan Long Napir yang terbengkalai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Projek Klinik Kesihatan (Jenis 6) Long Napir, Limbang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2014. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor sebelum ini, Sarwaga Sdn. Bhd telah dikeluarkan pada 12 Jun 2018. Anggaran terkini kos projek adalah RM4,803,000.00.

Projek ini (Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai) dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS) dan dijangka akan ditender pada April 2019. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : 19

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha Kerajaan dalam menangani isu perjudian dalam talian dan sejauh mana seriusnya masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian sepertimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga

akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Antara langkah lain yang diambil untuk membendung aktiviti perjudian atas talian seperti berikut:

- i) Mengambil tindakan alternatif terhadap penganjur kegiatan perjudian haram di bawah dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk di dakwa di mahkamah;
- ii) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menutup atau menyekat semua laman sesawang yang berunsurkan perjudian dari luar negara;
- iii) Bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Air (PBA) negeri untuk tindakan pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap premis yang mengulangi kesalahan yang sama di bawah Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953; dan
- iv) Mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membatalkan lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang disalahgunakan menjadi tempat perjudian serta mengkurangkan kelulusan lesen PHK untuk masa hadapan.

Selain melakukan operasi pembenterasan secara berterusan, tindakan yang tegas juga diambil kepada sindiket-sindiket yang terlibat dalam menganjur aktiviti perjudian haram di bawah undang-undang pencegahan (POCA) jika tiada keterangan yang mencukupi untuk dituduh di mahkamah. Statistik tindakan yang telah diambil di bawah POCA sejak tahun 2014 sehingga Februari 2019 atas kesalahan menjalankan aktiviti perjudian haram mengikut kontinjen adalah sebanyak 131 kes bagi judi online/ mesin judi. Judi loteri haram sebanyak 113 kes, judi bookie sebanyak 1 kes dan judi tempat bebas/ dalam bangunan sebanyak 12 kes. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 257 kes. Statistik tindakan yang diambil perjudian loteri haram bagi tahun 2017

SOALAN NO : 19

adalah sebanyak 9,931 serbuan dan 12,162 tangkapan dengan jumlah rampasan wang berjumlah RM1,888,901 manakala sebanyak 10,552 serbuan dan 12,822 tangkapan dengan rampasan wang berjumlah RM2,425,237 pada tahun 2018.

Usaha yang lebih berkesan untuk menangani aktiviti perjudian haram daripada terus wujud atau beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kesedaran masyarakat umum itu sendiri untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN : 20

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang oleh pihak Kementerian untuk membantu pembangunan luar bandar negeri Sarawak khususnya di Bintulu ; dan
- (b) apakah perancangan pihak Kementerian untuk membantu membekalkan kuasa elektrik dan air bersih kepada sekolah-sekolah kawasan luar bandar terutamanya di Bintulu, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian masih lagi memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Program-program di bawah Kementerian masih lagi memberi fokus kepada penyediaan infrastruktur luar bandar di Sabah dan Sarawak seperti Projek Jalan Luar Bandar, Bekalan Air dan Elektrik Luar Bandar, Jalan Perhubungan Desa serta Pembinaan Rumah PPRT.

Kementerian juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan program-program pembangunan ekonomi luar bandar yang melibatkan pembangunan usahawan, pembiayaan dan modal insan seperti Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) di bawah MARA, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan 'Luar Bandar Sejahtera'. Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi 5 tahun yang akan datang iaitu 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi 6 Teras iaitu:

- 1) Prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- 2) Ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- 3) Keusahawanan yang melibatkan pemerkasaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- 4) Modal Insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- 5) Memperkasakan Wanita luar bandar; dan
- 6) Sistem Penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

6 Teras ini meliputi 29 Strategi dan 94 Program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema 'Luar Bandar Sejahtera' tersebut.

Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini juga, Kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia dengan purata pendapatan bulanan terendah termasuk di negeri Sabah dan Sarawak sekaligus mengurangkan jurang daerah-daerah terpinggir tersebut dengan daerah-daerah yang lain.

Sehubungan dengan itu, Kementerian berkeyakinan bahawa pelaksanaan segala perancangan dan program di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini akan dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar termasuklah di

negeri Sarawak dengan memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah.

Selain itu, Kementerian juga dalam proses untuk memuktamadkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 yang akan menjadi dasar utama pembangunan luar bandar secara holistik yang merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pendidikan, sejumlah 371 buah sekolah di kawasan luar bandar di Sarawak telah dikenal pasti tiada kemudahan bekalan elektrik. Daripada jumlah tersebut 14 buah sekolah telah disambung ke talian grid awam di bawah projek Fasa 1 pada tahun 2017. Manakala 357 buah sekolah selebihnya menerima bekalan elektrik melalui set janakuasa (*genset*).

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik ke talian grid awam dan pembinaan sistem solar bagi sekolah-sekolah berkenaan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2018 hingga tahun 2030 seperti berikut:

Bagi 357 buah sekolah yang menerima bekalan elektrik melalui pengoperasian set janakuasa (*genset*) tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam perancangan untuk:

- i) Melaksanakan kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik ke talian grid awam bagi 113 buah sekolah dalam fasa 2A iaitu dari tahun 2018 hingga 2019 dan fasa 2B dari tahun 2019 hingga 2020;
- ii) Sebanyak 141 buah sekolah yang berpotensi untuk disambung ke talian grid akan dilaksanakan dalam fasa 3 pada tahun 2021 hingga 2025; dan
- iii) Baki 103 buah sekolah yang terletak jauh dari talian grid akan kekal menggunakan set janakuasa (*genset*) atau menerima bekalan elektrik melalui pembinaan sistem solar hibrid pada masa yang akan datang.

NO SOALAN : 20

Program penyambungan bekalan air awam ke sekolah-sekolah di Sarawak dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa. Daripada 428 buah sekolah:

- i) Sejumlah 12 buah sekolah telah disambung ke bekalan air awam;
- ii) Sebanyak 11 buah sekolah lagi masih dalam pelaksanaan penyambungan ke bekalan air awam;
- iii) Sebanyak 32 buah sekolah telah dikenalpasti dan akan disambungkan ke bekalan air awam pada tahun 2019;
- iv) Baki 373 buah sekolah akan disambungkan ke bekalan air awam bergantung kepada pelaksanaan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak. Sementara menunggu penyambungan ke bekalan air awam, 173 buah sekolah sedang menerima bekalan air terawat melalui sistem telaga tiub; dan

Sekolah-sekolah selebihnya yang tiada kemudahan bekalan air awam dan air terawat pula mendapat sumber air melalui takungan graviti, air hujan dan air sungai. Kementerian sedang mengenal pasti kaedah terbaik penyediaan bekalan air terawat ke sekolah-sekolah tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
(KANGAR)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor awam dan menggalakkan pihak swasta menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan ini.

PN-1412- L03757

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengambilan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk bekerja di Sektor Awam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.16/2010 yang menetapkan Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya.

2. Di Sektor Swasta, Kementerian Sumber Manusia melalui Jawatankuasa Pekerjaan, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) komited membantu Golongan OKU dari aspek penawaran peluang-peluang pekerjaan dan latihan kemahiran yang bersesuaian.

3. Peranan ini dilaksanakan secara kolektif oleh KSM melalui Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah Kementerian dengan program/aktiviti meliputi aspek pekerjaan sepenuh masa/ separa masa, keusahawanan dan peningkatan kompetensi (*reskilling/upskilling*) seperti berikut:

- (i) Karnival Kerjaya OKU - Jabatan Tenaga Kerja (JTK);
- (ii) Skim Bantuan Galakan Perniagaan Bagi OKU (SBGPOKU) - Jabatan Tenaga Kerja (JTK);

- (iii) Return To Work (RTW) – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);
 - (iv) Skim *OKU Talent Enhancement Program* (OTEP) – Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF); dan
 - (v) Latihan Kemahiran di Institut Latihan Perindustrian & Pusat Bertauliah – Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
4. Selain itu, KSM juga melaksanakan beberapa program libaturus seperti berikut:
- (i) Sesi Penerangan Meningkatkan Penggajian Orang Kurang Upaya Di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Badan-Badan Berkanun Dan Syarikat Multinasional.
 - (ii) Sesi Penerangan Jawatankuasa Pekerjaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Di Universiti-Universiti Awam (UA) Malaysia; dan
 - (iii) Sesi Libat Urus bersama Persatuan-persatuan OKU Malaysia secara berkala bagi mendapatkan input-input dan potensi kebolehpekerjaan OKU di sektor-sektor berkaitan.

SOALAN NO: 21

5. Inisiatif ini diharapkan dapat membantu golongan OKU daripada pelbagai latar belakang akademik dan kemahiran khususnya graduan OKU bagi peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

**DARIPADA : Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan
[Pontian]**

SOALAN : 22

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah akan digubal undang-undang anti lompat parti dan undang-undang dana politik. Jika tidak, mengapa. Jika ya, bilakah ianya akan dibentangkan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kepada semua warganegara untuk membentuk persatuan seperti yang berikut:

“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

- (a) ...
- (b) ...
- (c) *semua warganegara berhak untuk membentuk Persatuan.”.*

2. Hak untuk membentuk persatuan yang dijamin di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan turut merangkumi hak untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dan juga hak untuk meletak jawatan dalam sesuatu persatuan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung dalam kes ***Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ (Rep) 72 (SC)***, telah diputuskan bahawa peruntukan undang-undang mengenai larangan melompat parti merupakan sekatan kepada hak untuk membentuk persatuan di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

3. Pada 16 Oktober 2018, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan jawapan kepada pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kepong di Dewan Rakyat berkenaan isu yang sama. Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah seperti yang berikut:

“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Suruhanjaya Pilihan Raya berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.”.

4. Namun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk membuat apa-apa undang-undang untuk menyekat tindakan melompat parti, undang-undang tersebut hendaklah dibuat oleh Parlimen dan tertakluk kepada sekatan yang dibenarkan di bawah perenggan (c) Fasal (2) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.

10. (2) *Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—*

- (a) ...*
- (b) ...*
- (c) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c)*

Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.”

5. Walau bagaimanapun, sekiranya undang-undang larangan melompat parti dihasratkan untuk menghilangkan kelayakan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri dan kerusinya akan dikosongkan jika beliau melompat parti, undang-undang tersebut adalah tidak selaras dengan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan kerana Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan tindakan melompat parti akan menyebabkan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri hilang kelayakan untuk menjadi mana-mana ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri.

6. Berhubung dengan cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan pula, Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan ini dimasukkan melalui Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990 [Akta A767]. Semasa pembentangan pindaan tersebut di Dewan Rakyat pada 14 Mac 1990 (di muka surat 39 Penyata Rasmi Dewan Rakyat), Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (Perdana Menteri pada ketika itu) telah menjelaskan bahawa tujuan pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

“Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula dalam

pilihan raya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkannya itu. Ketiadaan halangan ini memungkinkan seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan bertanding semula bagi kerusi yang sama semata-mata untuk menguji atau membuktikan popularitinya. Apabila ini dilakukan, maka banyaklah masa, tenaga dan wang yang terbuang sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.”

7. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan suatu perkara dasar yang hendaklah dipertimbangkan oleh Kerajaan dengan berhati-hati dengan mengambil kira tujuan asal Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

UNDANG-UNDANG DANA POLITIK

8. Pertanyaan berkenaan Undang-undang Dana Anti Politik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri sedang menyelaraskan dengan jabatan/ agensi berkaitan bagi merangka cadangan penggubalan suatu rang undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik.

9. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah melihat undang-undang berkaitan dana politik negara luar yang bersesuaian untuk dijadikan panduan dan penanda aras di Malaysia. Setakat ini, kajian telah dibuat kepada undang-undang negara seperti United Kingdom, Jerman, Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Indonesia,

NO. SOALAN: 22

Austria, Chile dan Mexico. Rang undang-undang berkaitan dana politik ini akan dibentangkan di Parlimen setelah semua perkara dasar dimuktamadkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [
PETALING JAYA]
TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 23

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah penguatkuasaan undang-undang terhadap pemaju yang masih gagal untuk memohon pengeluaran geran hak milik strata kepada pembeli dan melanggar peruntukan Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2013

SOALAN NO. 23

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985 memperuntukkan bahawa pemilik asal atau pemilik tanah yang gagal untuk memohon pengeluaran hakmilik strata dalam tempoh yang ditetapkan, maka pemilik asal tersebut adalah telah melakukan kesalahan.

Jika disabitkan kesalahan, pemilik asal boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 100,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tiga (3) tahun.

Tindakan penguatkuasaan ke atas kegagalan memohon pecah bahagi bangunan atau tanah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah harga barang yang turun dan naik selepas pelaksanaan SST dan adakah pihak Kerajaan mengambil apa-apa tindakan bagi memastikan harga barang terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kesan pelaksanaan SST ke atas harga barang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas melibatkan kutipan data harga **900 Barangan Keperluan Pengguna Terpilih** bermula bulan September 2018. Pemilihan 900 barangan ini adalah berdasarkan hasil dapatan kumpulan perbelanjaan isi rumah di dalam Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia meliputi kumpulan seperti berikut:

- (i) Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (666 item);
- (ii) Minuman Alkohol dan Tembakau (3 item);
- (iii) Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah (64 item);
- (iv) Kesihatan (16 item);

- (v) Rekreasi dan Kebudayaan (13 item); dan
- (vi) Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (138 item).

Pemantauan dan kutipan harga telah dilakukan di 7,047 buah premis perniagaan yang terdiri daripada pasar basah, kedai runcit, pasar raya, *hypermarket*, farmasi, kedai serbaneka, kedai mini dan kedai buku.

Perbandingan data harga bagi bulan Disember 2018 telah dibandingkan dengan data harga pada bulan Mei 2018 iaitu tempoh tidak bercukai bagi melihat kesan pelaksanaan SST terhadap kedudukan harga barangan di pasaran.

Kadar SST 0%

Daripada 443 barangan yang tidak dikenakan SST, sebahagian besarnya iaitu 93% adalah dari kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol. Berdasarkan perbandingan harga barangan yang tidak dikenakan SST, adalah didapati harga barangan adalah seperti berikut:

- (i) 3 barangan (1%) harga kekal;
- (ii) 234 barangan (53%) mengalami penurunan harga; dan
- (iii) 200 barangan (45%) menunjukkan kenaikan harga.

Julat penurunan harga adalah antara 0.13% sehingga 38.56%. Barangan yang terlibat adalah ikan parang, Ikan parang, Ikan pari, bawang kecil merah import (Myanmar), ketam renjung/bunga dan Ikan merah.

Julat kenaikan harga adalah antara 0.14% sehingga 112.88%. Barangan yang terlibat adalah asam jawa, sotong kering (import), cili padi, lada benggala kuning (capsicum), kubis bulat import (China).

Barang-barang ini kebanyakannya adalah barangan agromakanan yang tidak tahan lama, mudah terkesan dengan faktor-faktor lain seperti cuaca, pola penawaran dan permintaan semasa

Kadar SST 5%

Daripada 192 barangan yang dikenakan SST 5%, adalah didapati harga barangan adalah seperti berikut:

- (iv) 3 barangan (2%) harga kekal;
- (v) 141 barangan (73%) mengalami penurunan harga; dan
- (vi) 48 barangan (25%) menunjukkan kenaikan harga.

Julat penurunan harga adalah antara 0.18% sehingga 44.0% Barangan yang terlibat adalah Ayamas Original Chicken Curry With Potato, First Pride Beef Nuggets, Nona Baking Powder, Marina Tempura Chicken Nuggets dan S&W Corned Beef.

Julat kenaikan harga adalah antara 0.47% sehingga 31.89%. Barangan yang terlibat adalah Ramly Chicken Loaf, Farm's Best Chicken Burger, Mentega Farmcows, Ayamas Oriental Sauce Chicken With Mushroom dan Yogurt Marigold (Low Fat).

Kadar SST 10%

Daripada 265 barangan yang dikenakan SST 10%, adalah didapati harga barangan adalah seperti berikut:

- (vii) 2 barangan (1%) harga kekal;
- (viii) 193 barangan (73%) mengalami penurunan harga; dan
- (ix) 69 barangan (26%) menunjukkan kenaikan harga.

Julat penurunan harga adalah antara 0.11 % sehingga 21.90% Barangan yang terlibat adalah Nivea Extra White Repair Pore Minimiser Foam, Gillette Venus Razor, Gatorade Orange Isotonic Sport Drink, Dove Damage Therapy Hair Fall Rescue Treatment Mask, dan Yakult Ace Light Double Pack Cultured Milk Drink.

Julat kenaikan harga adalah antara 0.18% sehingga 44.0%. Barangan yang terlibat Lifebuoy Cool Fresh Antibacterial Soap, Berus Gigi Colgate (Extra Clean-Soft), Bio-Essence Deep Nourishing Toner, Vaseline Intensive Care 100% Pure Petroleum Jelly, Yeo's Laici (Kotak).

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengambil pelbagai langkah penguatkuasaan bagi memastikan barangan keperluan utama dinikmati oleh rakyat pada harga yang berpatutan. Antaranya adalah seperti berikut:-

- i. melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** iaitu:
 - a. penguatkuasaan terhadap pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018** yang mula kuatkuasa pada **6 Jun 2018**;
 - b. pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi **seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara di bawah **Operasi Catut 5.0** bermula pada 8 Ogos 2018. Operasi ini telah menggerakkan semua anggota penguatkuasa Kementerian seluruh negara bagi membendung isu kenaikan harga barang di pasaran;
 - c. pengeluaran **Notis** bertulis di bawah **Seksyen 21 Akta** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan;
 - d. penguatkuasaan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** yang mewajibkan peniaga mempamerkan senarai harga atau meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual;
 - e. pelaksanaan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi mengawal harga barangan keperluan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara; dan

- f. **penetapan harga maksimum** bagi **gula pasir putih bertapis, topeng muka, LPG, petrol Ron95, Ron97** dan **diesel** bagi memastikan harga yang dijual tidak melebihi harga yang ditetapkan. Kementerian akan memperluaskan kawalan harga ke atas barangan keperluan lain mengikut keadaan dan keperluan.
- ii. mengadakan program **libat urus** untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan;
- iii. melaksanakan langkah **kolaborasi bersama agensi Kerajaan** yang berkaitan di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk memastikan bekalan mencukupi dan ditawarkan pada harga yang munasabah;
- iv. meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.
- v. menangani **pertanyaan** dan **penyelesaian aduan** rakyat dengan lebih **cepat dan pantas** dengan menyediakan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)**; dan
- vi. memudahkan rakyat mengemukakan aduan melalui pelbagai saluran sedia ada di Kementerian seperti **aplikasi whatsapp KPDNHEP 019-2794317, Portal E-Aduan, aplikasi telefon pintar Ez Adu, talian hotline KPDNHEP 1-800-886-800** dan hadir sendiri ke mana-mana **pejabat/cawangan KPDNHEP yang berhampiran**.

Langkah kawalan ini menunjukkan keprihatinan Kementerian dalam menangani isu harga dalam negara secara berterusan demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 25

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula harga Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk pelajar-pelajar miskin memandangkan harga sekarang adalah RM2.50 bagi seorang pelajar adalah agak tidak wajar berbanding dengan harga bahan mentah dan menu yang ditetapkan oleh Kementerian. Ini mendorong pengusaha kantin sekolah menyediakan makanan yang kurang berkualiti kepada pelajar. Dan adakah Kementerian sedia maklum bahawa berlaku ketidakseragaman waktu penyediaan RMT di semua sekolah kerana ada sekolah yang menyediakan RMT di waktu tengahari, ini agak terpesong daripada hasrat asal RMT diwujudkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih atas keprihatinan ahli yang berhormat kerana membangkitkan pertanyaan mengenai Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Untuk makluman, KPM sedang dalam rangka mengkaji semula RMT dengan khidmat nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dari aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan Program RMT. Kajian akan turut melihat semula kadar bantuan secara menyeluruh merangkumi semua jenis bantuan. Perkara ini akan dilaksanakan setelah proses verifikasi penerima bantuan selesai dilaksanakan di bawah inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

NO. SOALAN : 25

Bermula tahun 2019, semua sekolah digalakkan untuk melaksanakan program RMT pada waktu pagi antara jam 7.00 hingga 8.30 pagi. Arahan ini dilaksanakan bermula tahun ini bagi memastikan tujuan asal pemberian RMT tercapai, iaitu memastikan murid-murid tidak belajar dalam keadaan perut yang kosong. Pelaksanaan sepenuhnya RMT pada waktu pagi akan bermula pada tahun 2020, kecuali bagi sekolah yang mempunyai justifikasi dan halangan tertentu. Setakat ini, hanya negeri Kelantan dan Terengganu telah melaksanakan RMT sepenuhnya pada waktu pagi sebelum kelas bermula.

Sekian, terima kasih

RJM 145

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

**SOALAN : Tuan Lukanisman bin Awang Sauni
[Sibuti]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini rakyat Malaysia yang kini dalam tahanan penjara luar negara dan apakah usaha Kerajaan untuk membawa mereka pulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga **28 Februari 2019, Kementerian Luar Negeri merekodkan seramai 2,601 orang warganegara Malaysia yang ditahan di luar negara atas pelbagai kesalahan**. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,308 orang adalah tahanan lelaki manakala 293 orang lagi adalah tahanan wanita.

3. Seramai 1,449 orang daripada keseluruhan 2,601 orang tahanan atau 55.71% ditahan atas kesalahan berkaitan dadah. Ini diikuti dengan kesalahan penipuan (390 orang), kad kredit palsu (179 orang), kesalahan kastam (100 orang) dan jenayah perdagangan (86 orang). Kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan warganegara Malaysia di luar negara adalah berkaitan dengan imigresen, penyeludupan manusia serta lain-lain pelanggaran undang-undang tempatan negara berkenaan.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, warganegara Malaysia yang paling ramai ditahan adalah di Singapura (669 orang), Thailand (414 orang), Indonesia (406 orang), China (319 orang) dan Korea Selatan (270 orang). Selebihnya 523 orang lagi ditahan di 36 buah negara lain.
5. Kerajaan Malaysia sentiasa menghormati kedaulatan dan proses perundangan sesebuah negara. Kerajaan tidak akan campur tangan dalam proses perundangan tempatan. Namun, kerajaan akan memastikan hak dan kebajikan para tahanan Malaysia di luar negara sentiasa terpelihara.
6. Sekiranya seseorang warganegara Malaysia telah selesai menjalani hukuman, mereka akan melalui proses pengusiran pulang atau *deportation* (dengan izin). Dalam hal ini, pihak Perwakilan Malaysia akan membantu mereka untuk berhubung dengan pihak keluarga bagi urusan tiket penerbangan pulang, menyediakan Sijil Perakuan Cemas dan lain-lain dokumen yang berkaitan bagi membolehkan mereka kembali ke tanah air.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat kegiatan bot pelancong yang dikendalikan secara haram oleh pengusaha warga asing di daerah Semporna dan tempat-tempat pelancongan lain di negeri Sabah berikutan ramai pelancong akan datang pada tahun ini bukan sahaja daripada negara China, Taiwan, Hong Kong malah dari negara-negara Eropah juga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya tidak melesenkan atau melaksanakan operasi penguatkuasaan ke atas bot yang digunakan bagi tujuan aktiviti pelancongan.

Pada 21 Januari 2019, satu sesi libat urus yang melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah diadakan bersama pengusaha-pengusaha pelancongan berlesen dan tidak berlesen di Daerah Semporna. Agensi kerajaan dan NGO yang terlibat adalah:

Agensi Kerajaan

1. Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Sabah. Pejabat Daerah Semporna.;
2. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KEPKAS);
3. Pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Negeri Sabah;
4. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Sabah;
5. Polis Diraja Malaysia;
6. Taman-Taman Sabah; dan
7. Kolej Komuniti Semporna.

Badan Bukan Kerajaan

1. Persatuan Pelancongan Semporna;
2. Persatuan Pelancongan Kunak dan
3. Persatuan Pemandu Teksi Lapangan Terbang Tawau.

Seramai 179 orang pengusaha telah menghadiri sesi ini. Tujuan utama sesi itu adalah untuk memberi kesedaran kepada semua peserta mengenai kesan negatif aktiviti-aktiviti pelancongan yang tidak berlesen di Semporna. Ia juga adalah merupakan satu bentuk inisiatif pemutihan untuk menggalakkan pengusaha tidak berlesen mendapatkan lesen yang sah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 28

DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian Kewangan akan mewujudkan satu mekanisme yang akan membenarkan hasil-hasil dikutip dan dibenarkan dengan serta-merta dibayar kepada Sabah dan Sarawak dibawah Artikel 112C Perlembagaan Persekutuan termasuk hasil-hasil yang tertera dengan jelas dibawah 112C(2) tidak akan dimasukkan ke dalam Akaun Yang DiSatukan (*Consolidated Account*) atau sebagai alternatif membenarkan Kerajaan Sabah dan Sarawak mengutip hasil-hasil cukai di negeri mereka masing-masing dan meremitkan dengan serta-merta bahagian yang berpihak kepada Kerajaan Persekutuan dan menyimpan bahagian mereka masing-masing.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak.
2. Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada wakil Persekutuan serta Sabah dan Sarawak, diberi tempoh selama enam (6) bulan untuk melaksanakan kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan serta dijadualkan melengkapkan laporan hasil rundingan pada pertengahan tahun ini.
3. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
(BEAUFORT)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kaedah yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan kesemua majikan mematuhi dan melaksanakan gaji minimum dan setakat ini berapa kadar peratus majikan yang melaksanakan.

PN-1412- L03506

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan pelaksanaan gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan tersebut ialah pemeriksaan berkanun, siasatan aduan, pengendalian kes buruh dan pendakwaan.

2. Antara mekanisme-mekanisme lain bagi memantau pelaksanaan gaji minimum adalah penubuhan Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP). PKP ini adalah unit yang berpusat di Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Peranan pasukan ini adalah untuk membuat pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. Antara operasi yang dijalankan di bawah PKP ini adalah Ops Gaji dan Ops Jerit telah ini banyak membantu aktiviti penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dasar gaji minimum telah dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2014. Mulai dari tarikh tersebut sehingga 28 Februari 2019, sebanyak 717 kes pendakwaan telah dijalankan ke atas majikan yang tidak mematuhi gaji minimum di seluruh negara. Daripada jumlah kes pendakwaan tersebut, sebanyak 507 kes pendakwaan melibatkan majikan di Semenanjung Malaysia, 129 kes pendakwaan melibatkan majikan di Sabah dan 81 kes pendakwaan majikan di Sarawak. Jumlah denda yang telah dikenakan bagi semua kes pendakwaan yang telah selesai di seluruh negara adalah sebanyak RM1,029,150.00.

4. JTK juga menyiasat tuntutan kes buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Dari 1 Januari 2014 hingga 28 Februari 2019, sebanyak 3,625 tuntutan kes buruh difailkan oleh pekerja-pekerja yang mana 3,527 kes (97%) telah diselesaikan manakala 98 kes (3%) masih dalam tindakan JTK.

5. Selain itu, aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK mulai 1 Januari 2014 hingga 28 Februari 2019 ialah sebanyak 3,055 aduan diterima dan sebanyak 3,019 aduan (99%) telah diselesaikan serta baki 36 kes (1%) masih dalam tindakan JTK.

SOALAN NO: 29

6. Manakala, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) pula mengendalikan kes-kes pertikaian perusahaan berkaitan gaji minimum yang antaranya melibatkan isu Perjanjian Kolektif berkaitan gaji minimum. Mulai 1 Januari 2014 hingga 28 Februari 2019, sebanyak 68 kes direkodkan di JPP yang mana 18 kes (26%) telah diselesaikan secara rundingan damai di peringkat JPPM dan 46 kes (72%) telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) untuk perbicaraan. Daripada 46 kes yang dirujuk oleh JPPM ke MPM untuk perbicaraan, sebanyak 43 kes (93%) telah selesai dengan award dikeluarkan dan baki sebanyak 3 kes (7%) masih dalam tindakan MPM.

7. Kesimpulannya, Kerajaan melalui JTK sentiasa memantau aspek pematuhan undang-undang gaji minimum. Jika mana-mana pihak pekerja mendapati gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha Kerajaan untuk memulihkan masalah ekonomi yang berlaku di negara kita ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ekonomi Malaysia terus kekal stabil pada kadar pertumbuhan 4.7% pada tahun 2018. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang terus meningkat dan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kestabilan ekonomi ini juga disokong oleh kepelbagaian sumber pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung pada mana-mana komoditi, sektor atau pasaran eksport. Kadar pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah 4%. Manakala kedudukan inflasi terus terkawal pada kadar 1.0% pada tahun 2018 berbanding 3.7% pada tahun 2017 dan merupakan yang terendah sejak tahun 2010, hasil daripada langkah-langkah penyesuaian fiskal dan kewangan serta pentadbiran.
2. Secara terperinci, pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi 2018 disokong oleh pertumbuhan domestik terutamanya permintaan sektor swasta yang kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta berkembang 8.1%, manakala pelaburan swasta turut meningkat sebanyak 4.5%. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara dengan pertumbuhan yang positif, iaitu sebanyak 6.8% dan 5.0%.
3. Pada tahun 2019, ekonomi Malaysia diunjur berkembang sebanyak 4.9% mengambil kira pelbagai faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah penutupan sementara operasi pentadbiran Amerika Syarikat yang dijangka akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi dunia bagi suku pertama 2019, pengenalan dasar monetari Amerika Syarikat yang lebih ketat, kesan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan serta perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih belum berakhir.
4. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat. Tumpuan akan terus diberi kepada pengukuhan asas ekonomi berlandaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti nilai ditambah tinggi ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing industri. Kerajaan juga akan menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks.

Peralihan ini secara tidak langsung akan dapat menyediakan peluang pekerjaan dengan kadar gaji dan upah yang lebih tinggi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan juga terus menggalakkan pelaburan berkualiti daripada sektor swasta dengan menyemak semula pemberian insentif sedia ada. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai dana seperti Dana Pelaburan Berkaitan Kerajaan (RM2 bilion) dan Dana Pelaburan Bersama (RM50 juta) bagi menyokong perkembangan teknologi baharu dan memastikan pelabur tempatan mempunyai sokongan pembiayaan yang mencukupi.

6. Untuk meningkatkan eksport terutamanya keluaran berasaskan komoditi, Kerajaan melalui agensi berkaitan akan terus meneroka pasaran baharu. Sebagai contoh, baru-baru ini syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekalkan 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Usaha juga akan dilakukan bagi menarik kehadiran pelancong di negara ini dengan mempermudah proses kelulusan visa sempena dengan pelaksanaan Program Tahun Melawat Malaysia 2020. Bagi menyokong usaha ini, Kerajaan telah menyediakan geran sepadan sebanyak RM100 juta kepada syarikat swasta sebagai tujuan promosi dan pemasaran pelancongan antarabangsa. Kerajaan turut menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi membolehkan *Malaysia Healthcare Tourism Council* menjalinkan kerjasama bersama hospital swasta terkemuka untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

7. Usaha berterusan ini akan terus ditingkatkan bagi memastikan ekonomi negara kekal mampan dan stabil dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH SOALAN : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan jumlah keseluruhan (kumulatif) bilangan pinjaman dan pembiayaan yang telah disalurkan kepada usahawan-usahawan TEKUN di seluruh negara, mengikut negeri, semenjak Kerajaan PH mengambil alih pentadbiran negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. TEKUN Nasional adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dengan matlamat penubuhan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan kecil. Pembiayaan yang ditawarkan adalah di antara RM1,000 sehingga RM100,000 dalam tempoh pembiayaan dari enam (6) bulan sehingga 10 tahun.
2. Sejak peralihan Kerajaan mulai Mei 2018 sehingga Januari 2019, sebanyak RM253.3 juta pembiayaan TEKUN secara pinjaman telah disalurkan kepada 15,002 usahawan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Daripada jumlah tersebut, tiga negeri yang menerima jumlah pembiayaan yang tinggi adalah Selangor sebanyak RM 53.60 juta, Sabah sebanyak RM42.14 juta, dan Johor sebanyak RM25.79 juta.
3. Pembiayaan ini tidak terhad kepada usahawan bagi tiga negeri tersebut, malahan kepada negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Pecahan mengikut negeri yang lain adalah seperti berikut :

BIL	NEGERI	NILAI (RM)	BIL. USAHAWAN
1.	Sarawak	21,316,000	1,046
2.	Kelantan	19,425,000	1,118
3.	Kedah	15,851,900	675
4.	Perak	14,824,500	625
5.	Pahang	13,356,000	680
6.	Negeri Sembilan	11,521,000	718
7.	Wilayah Persekutuan	10,914,000	681

BIL	NEGERI	NILAI (RM)	BIL. USAHAWAN
8.	Terengganu	10,499,000	567
9.	Melaka	7,213,000	320
10.	Pulau Pinang	3,964,000	293
11.	Perlis	2,875,000	162

4. Justeru, sekiranya jumlah ini dibandingkan dengan pembiayaan bagi tahun-tahun sebelumnya dan dikira secara purata mengikut bulan, pembiayaan yang diberikan kepada usahawan oleh pihak TEKUN adalah konsisten.

Tuan Yang Dipertua,

5. Kerajaan amat komited untuk membangunkan para usahawan secara holistik dan komprehensif. Justeru, menerusi Belanjawan 2019, MED telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta kepada TEKUN bagi tujuan pembiayaan yang diyakini mampu untuk merancakkan pembangunan sektor industri kecil dan sederhana (IKS) dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

6. Dalam hal ini juga, MED proaktif dalam meneliti dan menambah baik pelaksanaan pembiayaan pihak TEKUN dan juga agensi-agensi pembiaya lain-lain di bawah MED. Ianya bagi mengelakkan pertindihan pembiayaan dan bantuan yang disalurkan kepada usahawan dilaksanakan secara berfokus serta mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 32

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Sara Hidup di seluruh negara dan dari Sarawak dan apakah kriteria yang digunakan bagi menentukan kelayakan pemohon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
2. Untuk melayakkan menerima BSH 2019, tempoh pendaftaran/ pengemaskinian telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019 dan pemohon yang layak perlu mendaftar dan mengemaskinkan maklumat isi rumah yang berkaitan. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion. Secara amnya, isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan layak untuk menerima BSH. Pendekatan BSH adalah selaras dengan keprihatinan Kerajaan untuk menyalurkan bantuan hanya kepada golongan yang layak menerimanya, iaitu golongan yang amat perlukan bantuan bagi menghadapi kos sara hidup.

Tuan Yang Dipertua,

3. Jumlah penerima BSH di seluruh negara adalah dianggarkan seramai 7.1 juta berdasarkan kepada pembayaran BSH fasa pertama pada 28 Januari 2019 kepada 4.1 juta isi rumah yang berkeluarga dan bayaran *one-off* pada hujung bulan Mac 2019 kepada 3 juta individu di bawah kategori bujang menggunakan pangkalan data BSH 2018. Penerima BSH dari Sarawak pula adalah dianggarkan seramai 750 ribu dengan pecahan kepada berkeluarga seramai 440 ribu isi rumah dan bujang seramai 310 ribu individu.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 33

Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk mengiktiraf pendidikan dan kelulusan UEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu pasukan petugas khas yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Dasar – UEC (PPD-UEC) bagi meneliti isu berhubung dengan *United Examination Certificate* (UEC).

PPD-UEC tersebut melaksanakan tugasannya berdasarkan terma rujukan yang disediakan oleh KPM. Pendekatan yang diguna pakai oleh PPD-UEC ini ialah menerusi pendekatan pencarian maklumat (*facts-finding*). Pasukan ini telah diberikan tempoh selama enam (6) bulan, iaitu sehingga Julai 2019 untuk meneliti dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC kepada pengurusan tertinggi KPM untuk pertimbangan selanjutnya.

KPM akan memastikan isu UEC tidak menjejaskan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu, serta tidak menjejaskan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih. RJM 146

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 34

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) berapa peratuskah jumlah keciciran di dalam persekolahan di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli khususnya melibatkan sekolah rendah, menengah serta Institusi Pengajian Tinggi; dan
- b) apakah strategi Kementerian untuk mengatasi isu keciciran di perkampungan yang terpencil yang jauh dari sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan murid berkeperluan khusus, seperti murid peribumi dan kumpulan minoriti yang lain seperti Orang Asli tidak tercicir daripada mendapatkan peluang pendidikan berkualiti yang relevan dengan keperluan mereka. Sehingga Januari 2019, peratus keciciran dalam kalangan murid Orang Asli adalah pada kadar 37.4 peratus bagi sekolah rendah dan 35.1 peratus bagi sekolah menengah.

Manakala, berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi, pada tahun 2018 bilangan pelajar Orang Asli di universiti awam yang telah berhenti atau diberhentikan adalah seramai 51 orang daripada 577 orang pelajar Orang Asli di universiti awam.

(b) Bagi memastikan anak-anak Orang Asli tidak tercicir di peringkat sekolah, pelbagai strategi telah diambil oleh KPM, antaranya ialah:

- i. mengeluarkan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) di sekolah;
- ii. menyediakan Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan program intervensi bagi menangani keciciran murid;
- iii. melancarkan Program Ziarah Cakna yang bertujuan memperluas konsep sekolah penyayang bagi memperkukuhkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga;
- iv. mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi dan komuniti setempat bagi membantu murid meneruskan pengajian di sekolah menengah; dan
- v. melaksanakan didik hibur yang bersesuaian dengan persekitaran dan minat serta budaya Orang Asli dan peribumi

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 35

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah tapak Pemprosesan Simen YTL di Sentul Raya didirikan hanya beberapa ratus meter dari Pejabat DBKL Cawangan Batu, kenapa selama hari ini ianya seolah-olah tiada tindakan yang diambil. Bagaimana lesen boleh dikeluarkan walaupun ianya ternyata melanggar beberapa syarat dan garis panduan utama seperti kelengkapan infra yang tidak mencukupi seperti sistem peparitan, jalan berlubang dan jalan dinaiki air yang dikhuatiri mempunyai campuran bahan kimia yang digunakan sewaktu pemprosesaan simen berkenaan. Malahan pencemaran udara dan kawasan sering berdebu, ditambah lagi ianya didirikan sebelah sekolah. Bagaimana kesihatan guru-guru, pelajar dan seluruh warga Batu secara amnya apabila harus berdepan dengan masalah ini saban hari dan saban tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, sesebuah Loji Pembancuh Simen perlu diletakkan berhampiran dengan tapak projek untuk mengurangkan jarak perjalanan lori simen. Pada masa yang sama, loji itu perlulah mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT dan Jabatan Alam Sekitar.

Pembangunan Loji Pembancuh Simen yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat telah pun mematuhi keperluan kriteria perancangan dan

kehendak teknikal yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2015 (***rujuk Lampiran 1***).

Cadangan Mendirikan Tapak Pembancuh Simen (Separa Tertutup) Sementara Bagi Membekalkan Simen Kepada Syarikat Yeoh Tiong Lay Sdn Bhd. di Jalan Sentul, Kuala Lumpur oleh Tetuan Sentul Raya Sdn Bhd telah mendapat kelulusan Perintah Pembangunan pada 24 September.2013. Kebenaran Mendirikan Bangunan pula telah dikeluarkan pada 15 September 2015.

Salah satu syarat yang dikenakan dalam kelulusan Perintah Pembangunan sementara ini ialah syarat pematuhan kepada semua kehendak Jabatan Alam Sekitar mengenai kawalan pencemaran alam.

Kelulusan Perintah Pembangunan yang diberikan ini adalah berbentuk sementara iaitu tahun ke setahun. Permohonan kelulusan lanjutan Perintah Pembangunan terkini telah pun dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat pada 26 Februari 2019.

Pemilik juga ada mengemukakan permohonan pindaan Perintah Pembangunan pada 26.09.2018. Permohonan ini telah dipertimbangkan dan diluluskan bersyarat oleh Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat pada 12 Mac 2019 (***rujuk Lampiran 2***). Semua syarat kelulusan Perintah Pembangunan terdahulu bertarikh 24 September 2013 adalah terpakai.

Segala proses bancuhan perlu mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Sekiranya didapati bahawa Loji Pembancuh Simen ini menimbulkan masalah pencemaran sepertimana yang didakwa, maka Yang Berhormat perlu membuat satu aduan rasmi untuk siasatan dilakukan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Alam Sekitar. Sekiranya didapati loji berkenaan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, tindakan sita boleh dikenakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, lawatan tapak telah dilakukan pada bulan Februari yang lepas bersama dengan Jabatan Alam Sekitar. Didapati bahawa permasalahan seperti sistem perparitan dan perangkap kelodak (*silt trap*) dalam kawasan loji adalah memadai. Begitu juga tiada aduan dari pihak Jabatan Alam Sekitar berhubung kualiti udara dan effluen. Permasalahan infra di luar loji perlu diatasi oleh pihak DBKL kerana ianya bukan di bawah jagaan loji. Sekiranya jalan didapati rosak atas sebab perjalanan lori simen, maka syarikat pengangkutan berkenaan akan diambil tindakan.

LAMPIRAN 1

**GARIS PANDUAN LOJI PEMBANCUH SIMEN (*BATCHING PLANT*)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, 2015**

a) Kriteria Perancangan pembangunan loji pembancuh simen

- i. Keperluan lokasi iaitu terletak dalam kawasan bina / tapak projek.
- ii. Keluasan tapak loji pembancuh simen ini melebihi dari keperluan keluasan satu ekar.
- iii. Anjakan struktur pembangunan telah mematuhi keperluan anjakan minimum 20 kaki dari sempadan tapak.
- iv. Anjakan struktur silo melebihi dari 50 kaki dari sempadan lot.
- v. Sekeliling tapak cadangan telah menyediakan zon penampan dengan kelebaran 3 meter.
- vi. Tapak cadangan telah didirikan dengan pagar keselamatan di sekeliling tapak.

- b) Keperluan teknikal bagi pembinaan loji pembancuh simen di tapak bina / tapak projek (separa tertutup)**
- i. Hanya silo sahaja yang dibenarkan terbuka
 - ii. Penyediaan penurap interlocking pavers di jalan / pintu keluar masuk
 - iii. Pembinaan ramp atau hump (berkecerunan 8 darjah)
 - iv. Penyediaan *wash bay*
 - v. Penyediaan *dust collector* secara berpusat atau di atas silo
 - vi. Penyediaan *silt trap* sebelum air buangan disalurkan ke parit / sungai
 - vii. Pemasangan *insulation polystyrene sheet* pada *batching apron*
 - viii. Penyediaan *sprinkler system* di kawasan loji
 - ix. Pemasangan alat penimbang berat lori konkrit (sebelum dan selepas)
 - x. Penyediaan ruang sisa konkrit (tempat pembuangan simen yang berlebihan)
 - xi. Penyediaan kotak tumpahan (*spillage box*) yang diluluskan oleh JPB dan JPJ pada setiap lori konkrit
 - xii. Penggunaan pelekat getah (*rubber seal*) pada corong buyong lori konkrit bagi memastikan tiada simen yang terkeluar daripada buyong, selaras dengan kelulusan JPB dan JPJ

LAMPIRAN 2

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat Pada 12.03.2019

Keputusan Mesyuarat:

1.1 Mesyuarat menimbang permohonan bagi:

Pindaan Kepada Pelan Yang Telah Diluluskan Terdahulu Bagi Cadangan Mendirikan Tapak pembancuh Simen (Separa Tertutup) Sementara Bagi Membekalkan Simen Kepada Syarikat Yeoh Tiong Lay Sdn Bhd. di atas Parcel C, Lot HSD 84527, PT. 21 dan Sebahagian Parcel F, Lot HSD 84534, PT. 22, Seksyen 84, Jalan Sentul, Kuala Lumpur dan permohonan ini diluluskan dan Perintah Pembangunan boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berkaitan.

1.2 JPRB diminta untuk mengadakan perbincangan dengan pihak pemaju, pihak sekolah dan juga pihak gereja bagi mengatasi aduan yang dikemukakan.

Perbincangan tersebut dijadualkan akan diadakan pada 17 April 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan terkini masalah kumbang merah yang melanda perladangan kelapa negara dan dikhabarkan sedang menyerang ladang sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian Malaysia telah membuat kawalan untuk *Red Palm Weevil* (RPW) atau Kumbang Merah Palma di Malaysia pada tanaman palma (kelapa, palma hiasan, kurma dan sagu) dan membuat pemantauan merangkumi kawasan tanaman kelapa, palma hiasan, kurma dan sagu seperti berikut:

Tahun	Bil Perangkap	Bil Tangkapan Rf	Bil Tangkapan Rv	Jumlah Bil Tangkapan
2016	3,525	15,020	1,738	16,758
2017	1,788	25,090	3,686	28,776
2018	1,354	21,980	3,268	25,248

- *Rf, Rhynchophorus ferrugineus* (perosak berbahaya diwartakan pada 2011)
- *Rv, Rhynchophorus vulneratus*

Prosedur Operasi Standard Kawalan RPW juga telah disediakan pada tahun 2016 dan penambahbaikan pada tahun 2018. Kaedah kawalan telah dikemaskini mengikut kajian/ pemerhatian terkini yang dibuat oleh

Kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia dan badan penyelidikan seperti universiti dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Kementerian telah menerima aduan daripada petani pada 15 November 2018. Siasatan telah dijalankan pada 18 November di ladang sawit di Bt. 10, Batang Merbau, Tanah Merah, Kelantan dan dikenal pasti adalah perosak Kumbang Merah Palma (*Rhynchophorus ferrugineus*). Langkah kawalan juga telah dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) RPW seperti menebang dan memusnahkan pokok yang diserang.

Satu mesyuarat juga telah diadakan oleh Kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia bersama pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 Disember 2018 untuk membincangkan kawalan RPW pada ladang sawit. MPOB adalah badan yang bertanggungjawab untuk kawalan perosak di ladang sawit.

Satu pelan tindakan telah dirangka untuk kawalan RPW di ladang sawit.

- a) Jabatan Pertanian Malaysia bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia akan terus membuat pemantauan di ladang sawit yang diserang RPW.
- b) Jabatan Pertanian Malaysia akan menjalankan program pengawasan (*surveillance*) di kawasan berhampiran untuk memastikan kawasan lain tiada kehadiran RPW.
- c) Lembaga Minyak Sawit Malaysia akan membuat pengawasan/pemantauan di ladang sawit seluruh Malaysia dan laporan pengawasan/pemantauan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal RPW pada April 2019.
- d) Lembaga Minyak Sawit Malaysia sedang membuat kajian penggunaan *repellent* untuk kawalan RPW.
- e) Kempen kesedaran kepada pengusaha sawit seluruh Malaysia juga akan dibuat oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terbaru obesiti mengikut golongan sosio-ekonomi. Apakah strategi Kementerian untuk mengatasi masalah obesiti ini khususnya di kalangan golongan B40.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey, NHMS*) pada tahun 2015, statistik obesiti ($\text{BMI} \geq 30.0\text{kg/m}^2$) mengikut kumpulan sosio-ekonomi adalah seperti berikut:

- i. 17.1% (95% CI: 16.2-18.1) daripada golongan B40;
- ii. 19.4% (95% CI: 17.8-21.1) daripada golongan M40; dan
- iii. 16.4% (95% CI: 13.6-19.5) daripada golongan T20.

Sehubungan itu, boleh disimpulkan bahawa masalah obesiti di Malaysia tidak mengira kumpulan sosio-ekonomi.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mempunyai strategi yang menyeluruh dan sistematik bagi mengatasi masalah obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia di segenap lapisan masyarakat, termasuklah golongan B40 melalui 3 pelan tindakan jangka masa panjang yang telah dibangunkan iaitu:

- i. Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (2016-2025);
- ii. Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2015); dan
- iii. Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menggariskan satu strategi khusus yang hanya memfokuskan kepada golongan B40, kerana masalah obesiti ini merentasi pelbagai faktor dan aspek termasuk sosiodemografi, ekonomi dan umur yang perlu ditangani seawal usia kanak-kanak sehinggalah dewasa. Walau bagaimanapun, KKM akan sentiasa memberi keutamaan kepada golongan B40 ini dalam pelaksanaan program dan aktiviti pemakanan terutamanya di peringkat klinik dan komuniti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian serius untuk menggunakan produk berasaskan ganja bagi tujuan perubatan dan apakah langkah yang diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan produk berasaskan ganja.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Di Malaysia, Hemp, ganja atau kanabis iaitu mana-mana bahagian tumbuhan daripada genus *Cannabis Sativa* merupakan dadah berbahaya yang dikawal di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]. Kanabis juga merupakan racun yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]. Akta-akta ini dan peraturan-peraturannya memperuntukkan kawalan antaranya ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan dan pemilikannya. Selain itu, persediaan (ubat) untuk tujuan perubatan adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 di mana semua ubat yang ingin dipasarkan di Malaysia perlu didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum bahawa terdapat usul daripada pihak tertentu supaya membenarkan penanaman hemp sebagai tambahan penanaman kenaf. Secara umumnya, pada masa ini, peruntukan undang-undang sedia ada tidak membenarkan penanaman hemp secara komersil. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya Kementerian Air Tanah Sumber Asli mengkaji kebolehlaksanaan cadangan penanaman hemp secara komersil, manakala Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan memberi input yang berkaitan.

Dari segi penggunaan **cannabidiol (CBD)** dan **produk yang berasaskan ganja** untuk tujuan perubatan, sekiranya terdapat data-data *clinical* yang membuktikan ia adalah selamat, berkualiti dan berkesan dalam rawatan apa-apa juga penyakit, persediaan tersebut boleh dipertimbangkan untuk didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan seterusnya dipasarkan di Malaysia. Undang-undang Malaysia mempunyai peruntukan yang jelas mengenai kawalan ke atas pemilikan dan pengedaran persediaan untuk tujuan perubatan ini. Namun begitu, pada masa kini, tiada produk yang mengandungi kanabis atau ekstrak kanabis yang didaftarkan dengan PBKD.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 39

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah nisbah tenaga akademik berpengalaman berbanding dengan yang kurang dari 10 tahun di IPT untuk sesuatu bidang dan adakah sistem pendidikan serta amalan di IPT sekarang mampu mencapai hasrat negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pensyarah adalah di bawah bidang kuasa universiti berdasarkan perjawatan dan skim perkhidmatan yang telah diluluskan oleh agensi pusat. Universiti diberikan autonomi sepenuhnya untuk melantik calon yang memenuhi kriteria dan hala tuju universiti tersebut.

Sehingga 31 Disember 2018, bilangan pensyarah adalah seramai 19,258 orang dan daripada jumlah tersebut, seramai 2,792 (14.4 peratus) orang pensyarah telah berkhidmat melebihi 10 tahun. Manakala seramai 16,466 orang berkhidmat kurang daripada 10 tahun. Ini menjadikan nisbah pensyarah berpengalaman kepada pensyarah kurang daripada 10 tahun pengalaman adalah sebanyak 1:6. Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian dan universiti bagi mengekalkan kualiti sistem pendidikan tinggi negara adalah antaranya:

1. Pelantikan semula secara kontrak kepada pensyarah yang telah bersara untuk dijadikan sebagai mentor kepada pensyarah-pensyarah muda;
2. Memperkasakan pelan penggantian di mana pensyarah dihantar untuk berkursus atau dibuat sangkutan dengan agensi atau organisasi luar bagi memberi pendedahan kepada pensyarah muda supaya dapat menimba pengalaman dengan lebih cepat;
3. Melantik profesor adjung daripada industri untuk membawa pengalaman dan kepakaran kepada pelajar; dan
4. Kementerian juga menyediakan geran penyelidikan kepada pensyarah muda untuk menghasilkan kajian yang bersesuaian dengan kepakaran pensyarah dan hala tuju serta *niche area* universiti tersebut melalui beberapa inisiatif seperti *Research Acculturation for Early Career Researcher* (RACER).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang diambil bagi menjamin kualiti Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula ialah dengan menetapkan mana-mana tenaga pengajar perlu mendapatkan permit mengajar sebelum dibenarkan mengajar di IPTS seperti yang dinyatakan Seksyen 51, Akta 555. Permohonan permit mengajar membolehkan Kementerian menyemak kelayakan akademik pemohon beserta bidang bersesuaian yang dipohon untuk diajar di IPTS berkaitan. Mana-mana IPTS atau pensyarah yang tidak mempunyai permit mengajar, ia merupakan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak boleh melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 40

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mekanisme pemberian tender sekolah daif akan hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat di Sarawak atau terbuka untuk semua.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa urusan berkaitan perolehan bagi projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di Sarawak telah diserahkan oleh KPM kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pihak JKR telah memaklumkan bahawa mekanisme pelawaan tender bagi sekolah daif dibuat secara tender terbuka iaitu syarikat atau petender-petender yang memenuhi syarat kelayakan boleh menyertai tender selaras dengan pekeliling kerajaan.

Sekian, terima kasih.

RJM 151

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN : 41

YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanannya fungsi Jabatan Bantuan Guaman yang dibiayai oleh Kerajaan untuk menyalurkan bantuan undang-undang kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman (BBG) melaksanakan fungsinya melalui peruntukan undang-undang di bawah Akta Bantuan Guaman 1971. JBG merupakan agensi kerajaan yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman yang terbesar di negara ini kepada kumpulan yang berpendapatan rendah iaitu individu yang mempunyai sumber kewangan di bawah suatu siling yang ditetapkan oleh undang-undang. Perkhidmatan bantuan guaman yang paling banyak dipohon adalah bantuan guaman bagi kes-kes kekeluargaan dan khidmat nasihat. Peratusan kes kekeluargaan yang didaftarkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 89% dan 90% bagi tahun 2018 daripada keseluruhan kes yang didaftarkan. Ini dibuktikan melalui statistik pendaftaran kes di JBG dan khidmat nasihat seperti berikut:

PENDAFTARAN KES

TAHUN	2017	2018	Jan 2019
Kes Kekeluargaan Sivil	2587	3001	267
Kes Kekeluargaan Syariah	5988	5295	530
Kes Sivil	347	354	37
Kes Jenayah	709	526	32
JUMLAH	9631	9176	866

PENDAFTARAN KHIDMAT NASIHAT

TAHUN	2017	2018	Jan 2019
Khidmat Nasihat Sipil	15227	9483	1010
Khidmat Nasihat Syariah	18751	10575	1302
Khidmat Nasihat Jenayah	1685	866	97
JUMLAH	35389	20924	2409

Berdasarkan statistik pendaftaran kes yang dikumpul oleh JBG bagi tahun 2017 (9631 kes), 2018 (9176 kes) dan sehingga Januari 2019 (866 kes) jelas menunjukkan bahawa seratus peratus (100%) kes yang diperakukan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk diberikan bantuan guaman merupakan kes-kes yang melibatkan individu yang mempunyai sumber kewangan RM50,000.00 ke bawah. Ini menunjukkan keberkesanan fungsi JBG dalam memberikan khidmat bantuan guaman kepada golongan sasaran.

Secara amnya, sebelum Disember 2017 hanya individu yang mempunyai sumber kewangan di bawah RM30,000.00 setahun layak memohon untuk mendapatkan perkhidmatan bantuan guaman JBG. Bagaimanapun berdasarkan kepada peningkatan kos sara hidup semasa, had kelayakan memohon bantuan guaman ini telah dinaikkan kepada RM50,000.00 setahun pada Disember 2017 melalui pindaan Akta Bantuan Guaman 1971.

Selain daripada itu, suatu kerjasama antara JBG dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah diadakan pada 19 Disember 2018. Ini merupakan satu lagi bentuk inisiatif yang dijalankan sebagai projek perintis bagi membantu individu berpendapatan rendah mendapat

NO. SOALAN : 41

perkhidmatan yang disediakan oleh JBG. Sebagai permulaan, suatu dana berjumlah RM165,000.00 telah disalurkan oleh MAIWP kepada JBG sebagai 'refferal fees' bagi membiayai pelanggan Baitulmal yang juga merupakan anak guam JBG. Sesiapa yang layak dan merupakan pelanggan Baitulmal dibiayai sepenuhnya oleh MAIWP. Kebolehlaksanaan dan keyakinan pihak MAIWP melalui usaha kolaborasi ini jelas menunjukkan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh JBG kepada golongan berpendapatan rendah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan punca-punca kekurangan bekalan minyak ke Pekan Kapit yang sering kali kehabisan minyak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Merujuk kepada isu bekalan minyak ke Pekan Kapit. Terdapat dua (2) stesen minyak sedia ada iaitu Petronas Kapit dan juga *Unbranded Mini Station* (UMS) yang memperolehi bekalan petroleum daripada Shell. Kementerian telah mengambil maklum isu ini dan menjalankan siasatan pada 18 Februari 2019 di kedua-dua lokasi stesen minyak. Siasatan mendapati gangguan bekalan di Pekan Kapit adalah disebabkan oleh:

- (i) **ketidakcekapan pesanan** oleh stesen minyak Petronas Kapit; **dan**
- (ii) **kesukaran pembekalan produk** petrol dan diesel yang dihadapi oleh stesen minyak mini Shell Kapit.

Sehubungan itu, sebagai pelan tindakan mengatasi permasalahan ini, pengusaha stesen minyak yang terlibat bersama syarikat pembekal minyak telah bersetuju untuk bekalan minyak diselaraskan oleh syarikat pembekal yang dipilih yang mendapatkan bekalan secara terus daripada depoh Tanjung Manis ke Pekan Kapit, Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

**SOALAN : Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau
[Libaran]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan diambil Kerajaan terhadap kejadian membakar Jalur Gemilang di Filipina oleh kumpulan Elly Pamatong, pada 19 dan 21 Januari Lepas, bagi mengelak ia berulang pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalinan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina adalah baik dan berada di tahap yang tinggi. Kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta menjangkau ke arah mencari kerjasama-kerjasama baru di dalam usaha mempertingkatkan lagi keakraban ini.

3. Hubungan serta kerjasama dua negara jiran ini merangkumi pelbagai bidang yang berkepentingan bersama. Saya ingin menegaskan di sini bahawa hubungan baik Malaysia-Filipina bukan hanya membawa manfaat kepada kedua-dua negara, malah adalah merupakan faktor penting bagi kestabilan keselamatan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara. Kita tidak menafikan bahawa di dalam mana-mana hubungan negara jiran akan mengalami kekangan-kekangan serta isu-isu dari semasa ke semasa. Apa yang harus kita tekankan adalah komitmen

kedua-dua negara untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu tersebut dengan cara yang santun dan berhikmah.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Baru-baru ini, kita digemparkan dengan penyebaran satu video kontroversi di media sosial yang memaparkan tindakan seorang individu membakar Jalur Gemilang secara terbuka di Filipina. Individu tersebut telah dikenalpasti sebagai Elly Pamatong yang mendakwa diri sebagai pengasas *United States Allied Freedom Fighters of the East (USAFFE)* dan video tersebut telah dimuat naik ke dalam akaun Facebook '*President Pamatong Supporters*' pada 19 dan 21 Januari 2019. Video tersebut dengan jelasnya menunjukkan tindakan beliau yang membakar Jalur Gemilang selepas mengeluarkan kenyataan negatif terhadap Kerajaan Malaysia.

5. Kementerian Luar Negeri telah mengambil beberapa tindakan segera bagi menzahirkan bantahan kita terhadap penyebaran video kontroversi itu. Pertama sekali, Kementerian telah menghubungi Duta Besar Filipina di Kuala Lumpur dan memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia membantah perbuatan provokasi yang dilakukan oleh individu tersebut. Pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri juga telah mengarahkan Kedutaan Besar Malaysia di Manila untuk mengadakan perjumpaan tergempar dengan *Department of Foreign Affairs (DFA)* Filipina bagi menyampaikan pendirian Kerajaan Malaysia yang mengutuk perbuatan pembakaran Jalur Gemilang dan menyifatkan ia sebagai insiden yang perlu diberi perhatian serius.

6. Pada 7 Februari 2019, Kementerian telah mengeluarkan satu Nota Diplomatik kepada Kedutaan Besar Republik Filipina di Kuala Lumpur bagi memaklumkan secara rasmi berkenaan bantahan kita terhadap kejadian seperti yang berlaku di Filipina dan menegaskan agar Kerajaan Filipina mengambil tindakan segera terhadap individu tersebut. Selain itu, Kementerian telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar pada hari yang sama untuk menggesa agar Kerajaan Filipina mengambil tindakan tegas terhadap Elly Pamatong bagi memastikan insiden seumpama ini tidak berulang kerana ia boleh menjejaskan hubungan dua hala yang sangat

baik antara Malaysia dan Filipina ketika ini. Bendera merupakan simbol kebangsaan sesebuah negara dan harus sentiasa dihormati. Tindakan sedemikian serta komen-komen anti-Malaysia yang dibuat oleh individu ini adalah tidak berasas dan telah menyinggung perasaan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kedutaan Besar Filipina di Kuala Lumpur pula telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi pada 8 Februari 2019 bagi memaklumkan bahawa pihak berkuasa Filipina sedang menangani tindakan itu dengan sewajarnya. Pihak Kedutaan juga memandang serius kejadian pembakaran bendera dan tidak akan membiarkan insiden seperti ini berlaku lagi. Selain itu, Kedutaan turut menegaskan bahawa Kerajaan Filipina komited untuk mengeratkan lagi dua hala yang baik antara Filipina dan Malaysia. Menurut kenyataan tersebut, kejadian membakar Jalur Gemilang dilakukan oleh individu persendirian yang telah melakukan pelbagai tindakan kontroversi pada masa lalu dan menegaskan bahawa tindakan individu tersebut tidak mewakili Kerajaan Filipina.

8. Justeru, saya ingin menegaskan kepada ahli Dewan yang mulia ini agar jangan kita menggunakan isu berkenaan sebagai agenda yang bersifat politik. Kerajaan amat prihatin dan mengambil berat berkenaan isu ini dan tidak akan berganjak dari mempertahankan simbol suci negara kita dari mana-mana pihak yang cuba mencemarkannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATOK]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 44

Y.B. DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengawal kejatuhan nilai ringgit dan berapakah jumlah rizab antarabangsa yang telah dicairkan bagi menampung kejatuhan nilai ringgit ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 9 April 2019, nilai ringgit telah meningkat sebanyak 1.0 peratus manakala nilai mata wang serantau yang lain telah menambah nilai kecuali won Korea menyusut nilai sebanyak 2.7 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Prestasi ringgit juga adalah lebih stabil berbanding mata wang serantau. Ringgit telah meningkat sebanyak 0.2% berbanding dolar Singapura dan peso Filipina bagi tempoh yang sama. Prestasi yang lebih stabil ini antara lain disokong oleh asas ekonomi negara yang lebih teguh termasuk lebihan akaun semasa dan pemulihan sentimen pelabur berikutan jangkaan mengenai pengaturan masa pengembalian semula kadar faedah ke paras wajar (*monetary policy normalisation*) oleh Federal Reserve AS yang lebih lewat.

2. Prestasi pasaran kewangan global masih dipengaruhi oleh pengaturan masa pengembalian semula kadar faedah ke paras yang lebih wajar di AS, perkembangan geopolitik dan perdagangan global. Faktor ini menyebabkan prestasi kewangan global berada dalam keadaan tidak menentu. Sehubungan itu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah

memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan pelbagai langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

3. Langkah tersebut termasuk penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

4. Paras rizab antarabangsa negara pula dijangka mengalami peningkatan semula selepas pasaran dunia kembali pulih dan sentimen pelabur bertambah baik. Peningkatan rizab antarabangsa negara akan dijana melalui lebihan penerimaan pertukaran wang asing yang dipengaruhi oleh kegiatan teras ekonomi negara yang berterusan serta kekukuhan pasaran kewangan domestik dan antarabangsa. Sekiranya pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh dan kegusaran pelaburasing terhadap faktor luaran kembali reda, lebihan penerimaan pertukaran wang asing akan terhasil melalui perkara-perkara seperti berikut:

- a. peningkatan hasil barangan eksport negara yang akan menambahkan lebihan dagangan;
- b. peningkatan pelaburan langsung asing dalam sektor ekonomi negara yang akan membawa masuk aliran modal daripada pertukaran wang asing; dan
- c. pelaburan portfolio pelabur-pelabur asing yang didorong oleh pertumbuhan dan kestabilan ekonomi global dan domestik.

5. Bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur dan cekap, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia mengurus aliran dana keluar masuk negara supaya kekal dalam keadaan yang stabil di samping memastikan rizab antarabangsa negara berada pada paras yang mencukupi. Langkah ini akan mendorong peningkatan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia sebagai salah satu destinasi pilihan untuk pelaburan. Pada 15 Mac 2019, paras rizab antarabangsa telah meningkat kepada USD102.6 bilion, mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan 1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit dan rizab negara akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit dan rizab negara akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan kedutaan di Palestin sebagai pernyataan tegas dan komitmen Malaysia untuk terus mengiktiraf kewujudan Palestin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Port Dickson di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan Malaysia mempunyai dasar yang konsisten terhadap isu penindasan secara berterusan oleh Israel ke atas rakyat Palestin. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga menghulurkan pelbagai jenis bantuan.

3. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dengan Palestin. Palestin mempunyai Kedutaan di Kuala Lumpur manakala Duta Malaysia di Kaherah, Mesir merupakan Duta Malaysia yang ditauliahkan serentak ke Palestin.

Kedutaan tersebut merupakan saluran perhubungan rasmi Malaysia dengan Pihak Berkuasa Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Cadangan penubuhan pejabat Kedutaan Malaysia di Palestin adalah satu pendekatan yang dilihat munasabah memandangkan isu Palestin adalah sangat penting bagi negara. Dalam hal ini, pihak Kementerian telah memulakan usaha mengumpulkan maklumat-maklumat penting berhubung cadangan ini serta mendapatkan pandangan serta pengalaman daripada pihak-pihak yang mempunyai pejabat atau wakil di Palestin itu sendiri.

5. Ramallah yang bertempat di Tebing Barat merupakan pusat pentadbiran Pihak Berkuasa Palestin. Namun demikian Ramallah dan wilayah Tebing Barat serta Gaza masih merupakan wilayah diduduki Israel (*Occupied Palestinian Territories*). Sehingga kini, terdapat lebih daripada 30 pejabat diplomatik dan organisasi antarabangsa dibuka di Palestin sama ada di Ramallah atau Gaza. Negara-negara yang membuka pejabat di Ramallah kebanyakannya adalah negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel atau pernah menjalin hubungan walaupun secara terhad dengan Israel sebelum ini. Terdapat juga negara-negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik secara rasmi dengan Israel seperti Emiriah Arab Bersatu yang mempunyai pejabat diplomatik di Ramallah.

6. Disebabkan pada masa yang sama terdapat pelbagai faktor dan elemen lain yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan sebelum membuat sebarang keputusan, pihak Kementerian akan terus mengkaji cadangan ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 [RABU]

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana Dasar Komuniti Negara diyakini mampu mendidik masyarakat dalam aspek pengukuhan komuniti setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Komuniti Negara ialah inisiatif Kerajaan untuk mendayaupayakan komuniti setempat supaya mereka boleh melibatkan diri secara aktif bagi mewujudkan persekitaran berkualiti, memperkasa aktiviti komuniti untuk pengurusan dan penyelenggaraan harta awam dan harta bersama demi mencapai kesejahteraan hidup. Antara objektif Dasar Komuniti Negara ialah untuk membentuk komuniti yang peka terhadap isu-isu komuniti, saling menghormati, menyayangi dan bekerjasama antara jiran tetangga. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (Pejabat SMK) bagi mendidik masyarakat dalam aspek pengukuhan komuniti setempat seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENGANJUR
1.	Anakmu Anakku	29 Sep. 2018	Jabatan Kebajikan Masyarakat
2.	Pemeriksaan kesihatan	30 Sep. 2018	Kementerian Kesihatan Malaysia dan Vision College
3.	<i>Mompreneur</i>	15 Okt. 2018	Universiti Pendidikan Sultan Idris
4.	Program <i>Lead The Way</i>	27 Okt. 2018	Kolej INTI
5.	Tuisyen Percuma	3 Nov. 2018	Kolej INTI
6.	Jom Melabur Bersama ASNB	17 Nov. 2018	Pemodalan Nasional Berhad
7.	<i>Pumpkin Project</i>	24 Nov. 2018	Kolej INTI
8.	<i>Healthy Meals Programme for Students/Kids</i>	24 Nov. 2018	Kolej INTI
9.	Program Wanita Ke Arah Perubahan Positif	1 Dis. 2018	Pejabat Parlimen Petaling Jaya
10.	Pertandingan Bola Jaring PPR Lembah Subang 2	8 Dis. 2018	Jawatankuasa Masjid Ara Damansara
11.	Kaunter Bantuan Perkhidmatan ASNB & JKM	15 Dis. 2018	Pemodalan Nasional Berhad & Jabatan Kebajikan Masyarakat
12.	<i>FIFA 19 Challenge</i> Piala Ahli Majlis Zon 4	15 Dis. 2018	Majlis Perbandaran Subang Jaya
13.	Penubuhan Tadika Perpaduan	2 Jan. 2019	Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional

*senarai program/aktiviti sehingga 27 Februari 2019

2. Melalui penubuhan Pejabat SMK, usaha bagi pengukuhan komuniti setempat dapat dilaksanakan. Terdapat 8 kluster yang menjadi kumpulan faktor-faktor utama dalam mengubah minda serta sikap komuniti di sesebuah lokaliti perumahan khususnya perumahan berstrata. 8 kluster tersebut adalah:

- Kluster 1 : Infrastruktur dan Penyelenggaraan;
- Kluster 2 : Kebersihan Alam Sekitar dan Kesihatan;
- Kluster 3 : Keselamatan;
- Kluster 4 : Pendidikan dan Kemahiran;
- Kluster 5 : Keprihatinan terhadap Kanak-kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU), Wanita, Ibu Tunggal dan Daif;
- Kluster 6 : Keusahawanan dan Perniagaan Sosial;
- Kluster 7 : Perkhidmatan Sosial; dan
- Kluster 8 : Sukan dan Rekreasi

3. DKN dimulakan sebagai projek rintis di PPR Lembah Subang 2 mulai 8 Oktober 2018. Melalui penubuhan Pejabat SMK, sebanyak 32 aktiviti masyarakat telah dilaksanakan (sehingga 15 Mac) dalam tempoh 5 bulan yang memberi manfaat kepada lebih 3,000 orang penghuni di PPR tersebut. Pelbagai program dan aktiviti juga telah dirancang untuk diadakan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 [RABU]

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat banyak permasalahan dengan kuil-kuil di Malaysia. Namun sehingga sekarang masih terdapat masalah berkenaan tanah kuil yang tidak dapat diselesaikan dan tapak kuil yang tidak dapat didaftar. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan perkara seperti ini tidak akan berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan mengenai rumah ibadat adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Di peringkat Kerajaan Negeri, terdapat Jawatankuasa Khas yang membincangkan isu-isu rumah ibadat selain Islam. Sebagai contoh di Negeri Selangor, Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI). Manakala di Pulau Pinang ia dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Setiap Kerajaan Negeri mempunyai tatacara pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas rumah ibadat selain Islam dan tempat penyembahan. Oleh yang demikian, kuasa memberikan kelulusan pendaftaran bagi tapak tanah rumah ibadat adalah tertakluk kepada kuasa Kerajaan Negeri.

2. Bagi tindakan penguatkuasaan terhadap kuil-kuil yang dibina tanpa kebenaran merancang pula, mekanisme yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah melalui peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 18 - Penggunaan Tanah dan Bangunan dan Seksyen 19 - Larangan Terhadap Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 48

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap individu yang memalsukan latar belakang pendidikan dan mengeksploitasi penggunaan ijazah atau sijil palsu demi keuntungan sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS antaranya dengan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyak menawarkan atau menjual sijil palsu, perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi penguatkuasaan lain, memberi penerangan dari semasa ke semasa kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran, semakan status program melalui *Malaysia Qualification Agensi* (MQA) atau menggalakkan penggunaan teknologi dan ciri keselamatan terkini bagi menjamin ketulenan sijil dan lain-lain lagi.

MQA turut memberi penerangan kepada Institusi Pendidikan Tinggi melalui sesi dialog bersama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang diadakan secara berkala mengikut zon. Setiap PPT dinasihat untuk

memastikan semakan dibuat terhadap kesahihan sesuatu kelayakan pelajar yang memohon untuk menyambung pengajian dan kesahihan maklumat calon staf akademik sebelum dilantik.

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta pula, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996). Kawalan Akta 555 merangkumi aspek integriti dan profesionalisme tenaga pengajar akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Akta 555 memperuntukkan bahawa Ketua Eksekutif perlu didaftarkan dengan kelulusan Ketua Pendaftar dan tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

Sekiranya didapati Ketua Eksekutif atau tenaga pengajar membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkaitan dengan permohonannya bagi mendapatkan permit mengajar atau telah dengan sengaja menyembunyikan suatu fakta material; maka IPTS atau Ketua Eksekutif telah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya sekali di bawah Sek 81(c) Akta 555. Sijil kelulusan juga boleh dibatalkan oleh Ketua Pendaftar. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes pemalsuan ijazah yang pernah dilaporkan, ianya disiasat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan.

Justeru, KPM sentiasa menasihati orang awam terutamanya ibu bapa, pelajar, majikan, pihak berkuasa melantik untuk merujuk kepada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi mendapatkan maklumat tepat berkaitan dengan kelayakan akademik daripada program-program pengajian yang telah dinilai dan diberi akreditasi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 49

DATUK DR. HAJI ABD LATIFF BIN AHMAD [MERSING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuhkan asas ekonomi negara untuk berhadapan persaingan ekonomi global yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prospek ekonomi Malaysia kekal menggalakkan walaupun dalam persekitaran luar yang semakin mencabar dan tidak menentu termasuk ketidaktentuan dasar negara maju, peningkatan konflik perdagangan, volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak serta ketegangan geopolitik. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar berkembang 4.7 peratus pada 2018 dipacu oleh perbelanjaan swasta serta prestasi perdagangan luar yang kukuh. Aktiviti penggunaan swasta meningkat 8.1 peratus disokong oleh pasaran buruh yang stabil, kadar gaji dan upah yang meningkat serta persekitaran inflasi yang rendah. Eksport kasar negara pula kekal kukuh dengan mencatat pertumbuhan 6.7 peratus manakala import kasar meningkat 4.9 peratus. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menerajui pertumbuhan dengan berkembang 6.8 peratus dan 5 peratus.
2. Walaupun prestasi ekonomi kekal berdaya tahan, Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka terdedah kepada risiko

pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan peningkatan ketidaktentuan persekitaran global. Namun, sistem kewangan yang teguh dan maju berserta paras rizab antarabangsa yang kekal tinggi memperkukuh keupayaan ekonomi negara untuk menghadapi kejutan luar dan memastikan pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan. Di samping itu, struktur perdagangan yang pelbagai dari segi destinasi dan produk serta kadar pertukaran yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

3. Bagi menghadapi sebarang ketidaktentuan ekonomi global, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Antara langkah utama yang telah dibentangkan semasa Belanjawan 2019 termasuk:

- a. memperkukuh pengurusan fiskal Kerajaan;
- b. meningkatkan hasil Kerajaan melalui *leverage* aset Kerajaan dan menyemak semula dasar percukaian;
- c. merangsang pelaburan dalam industri berteknologi tinggi;
- d. mempermudah lagi urusan perniagaan di Malaysia khususnya melalui penambahbaikan proses perdagangan dan pentadbiran cukai;
- e. memperkukuh perusahaan kecil dan sederhana (PKS);
- f. mempergiat industri pelancongan; dan
- g. menggalakkan usahawan terlibat dalam ekonomi digital.

4. Kerajaan juga terus berusaha mengukuhkan daya saing negara di peringkat global dengan meningkatkan kemahiran pekerja untuk mencapai pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara. Selain itu, dasar mesra perniagaan dan keterbukaan perdagangan, sistem kewangan yang cekap dan urus tadbir korporat yang mantap, infrastruktur yang maju serta kesediaan pelbagai insentif cukai akan terus diberi perhatian bagi menggalakkan aktiviti pelaburan sekaligus meningkatkan daya saing negara. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat global seperti dalam laporan *Ease of Doing Business 2019* oleh Bank Dunia yang mencatatkan peningkatan daya saing Malaysia ke kedudukan ke-15 daripada tempat ke-24 pada 2018.

5. Melangkah ke hadapan, pelbagai inisiatif pembaharuan struktur akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memperkukuh asas ekonomi negara. Inisiatif ini termasuk menangani ketidaksepadanan dalam pasaran buruh; menambah baik kualiti pendidikan dan latihan; mempelbagaikan lagi produk dan pasaran eksport; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi; serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan ini akan memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi seterusnya melonjak kedudukan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 10 APRIL 2019 | RABU

SOALAN :

Tuan Haji Awang bin Hashim [PENDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai berapakah jumlah anak-anak syarikat Tabung Haji dan pohon penjelasan dari pihak Kerajaan berapakah kerugian dan keuntungan dari keseluruhan anak-anak syarikat tersebut.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Lembaga Tabung Haji (**TH**) mempunyai 15 anak syarikat yang terlibat dalam beberapa sektor utama seperti perbankan dan takaful, perladangan, teknologi maklumat, pembinaan dan pelancongan seperti berikut:

1. BIMB Holdings Berhad
2. TH Hotel & Residence Sdn Bhd
3. TH Travel & Services Sdn Bhd
4. Theta Edge Berhad
5. TH Plantations Berhad
6. Premia Card Sdn Bhd
7. Deru Semangat Sdn Bhd
8. TH Indopalms Sdn Bhd
9. Th Indo Industries Sdn Bhd
10. TH Properties Sdn Bhd
11. LTH Property Holdings Ltd
12. LTH Property Holdings 2 Ltd
13. LTH Property Investments (L) Inc
14. TH Marine Sdn Bhd
15. TH Marine Holding (L) Inc

Jumlah keuntungan sebelum cukai anak-anak syarikat Lembaga Tabung Haji adalah sebanyak RM1,342 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan Pusat untuk mengurangkan jurang pendapatan dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) telah menggariskan beberapa langkah jangka panjang untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta menangani kos sara hidup bagi mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat.
2. Antara langkah jangka panjang yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:
 - i. membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam kalangan isi rumah B40 melalui perluasan program pendidikan dan latihan. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka bagi memperoleh pekerjaan berpendapatan lebih tinggi lalu dalam jangka masa panjang meningkatkan mobiliti sosial isi rumah ini. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan peruntukan sebanyak RM100 juta pada tahun 2019;

- ii. memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, termasuk secara atas talian (*online*). Ini dilaksanakan dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan serta pembinaan premis perniagaan dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Antara projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia adalah Projek eRezeki dan Projek eUsahawan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM6 juta pada tahun 2019;
- iii. meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun kecil dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden, amalan pertanian terbaik (*good agricultural practices*) dan aktiviti ekonomi tambahan. Antara program yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian adalah Program Inovasi Teknologi Kejuruteraan Pertanian, Pembangunan Integrasi Tanaman, Pemantapan Pusat Pemindahan dan Kecemerlangan Teknologi Perikanan dan banyak lagi yang melibatkan peruntukan lebih kurang RM41.5 juta pada tahun 2019; dan
- iv. memperluas akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar bagi memperkukuh keterhubungan lalu merencanakan aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat B40 luar bandar. Antara projek yang akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ialah projek pembinaan Jalan Luar Bandar, Jalan Perhubungan Desa, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Program Ameniti Sosial yang melibatkan peruntukan lebih kurang RM2.4 bilion pada tahun 2019.

3. Kerajaan akan terus memberikan penekanan terhadap pembangunan inklusif yang berteraskan kepada beberapa prinsip utama seperti ketelusan, berdasarkan keperluan dan merit, mesra pasaran, mampan dan menyokong pertumbuhan. Pendekatan ini akan memastikan semua kumpulan masyarakat mendapat peluang dan manfaat pertumbuhan ekonomi atau '*shared prosperity*' tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan lokasi geografi.

4. Oleh yang demikian, dengan membangunkan kapasiti dan keupayaan, pendidikan dan latihan, perniagaan dan keusahawanan, pendapatan dan kuasa beli rakyat akan meningkat sejajar dengan negara berpendapatan tinggi serta mengurangkan jurang pendapatan di kalangan rakyat, antara kaum, negara dan wilayah.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
10 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 52

TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status bonus pencen (one off) RM500 yang dijanjikan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada November 2018 kepada pesara miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan komited dalam memastikan kebajikan pesara terus terpelihara. Oleh itu, Kerajaan telah mengumumkan pemberian bantuan khas secara *one-off* sebanyak RM500 kepada pesara-pesara yang menerima pencen di bawah RM1,000.

Berdasarkan data pesara pada 1 Disember 2018 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bilangan pesara yang layak untuk menerima bantuan ini adalah seramai **84,000 orang**. Pemberian khas ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM42 juta dan dibayar kepada pesara-pesara yang terlibat pada hujung Mac 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIE MONGIN [PUNCAK BORNEO]

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : 53

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan di mana pasangan ibu bapa yang tidak berkahwin melahirkan anak bersama, dan selepas kelahiran anak tersebut memperolehi perintah deklarasi anak yang telah disahtarafkan, sama ada terdapat polisi baru di Jabatan Pendaftaran Negara untuk melicinkan pendaftaran kewarganegaraan untuk anak yang telah disahtarafkan melalui operasi undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Status kewarganegaraan seseorang individu adalah bergantung kepada taraf kewarganegaraan dan pendaftaran perkahwinan ibu bapa yang sah mengikut undang-undang negara yang berkuatkuasa. Sehubungan dengan itu, bagi kelahiran yang berlaku sebelum pendaftaran perkahwinan ibu bapa, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, urusan pendaftaran perkahwinan ibu bapa adalah sangat penting kerana ia bakal menentukan taraf kewarganegaraan anak yang dilahirkan.

Bagi mana-mana pasangan ibu bapa beragama bukan Islam yang telah memperoleh Perintah Deklarasi melalui Mahkamah yang menyatakan anak mereka telah disahtarafkan di bawah Akta Kesahtarafan 1961 [Akta 60], ibu bapa kanak-kanak berkenaan boleh mengemukakan permohonan pendaftaran semula kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan seterusnya, kanak-kanak berkenaan akan dikeluarkan Sijil Kelahiran yang baharu. Walau bagaimanapun, **taraf kewarganegaraan kanak-kanak selepas proses pendaftaran semula Sijil Kelahiran adalah kekal** sebagaimana taraf kewarganegaraannya sewaktu pendaftaran kelahiran pertama kali dibuat.

Bagi kanak-kanak berumur kurang dari 21 tahun yang bertaraf bukan warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan untuk kanak-kanak itu memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran di bawah Perkara 15A, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuat kuasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 10 APRIL 2019 [RABU]

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pengesahan jemputan kehadiran dan penglibatan ahli parlimen dan DUN dalam mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat dan pembangunan PBT di negeri Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah pada 9 Januari 2019 telah memutuskan untuk membenarkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) termasuk pembangkang untuk menghadiri Mesyuarat Penuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pemerhati. Perkara ini selaras dengan Seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] yang menyatakan bahawa Mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSLIMIN BIN YAHYA
KAWASAN : SUNGAI BESAR
TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN MUSLIMIN BIN YAHYA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan respon berkaitan memorandum yang telah dihantar oleh Jawatankuasa Bertindak FR5 Parlimen Sungai Besar pada 20 Februari 2019 kepada Timbalan Menteri JKR berkaitan keculasan kerja-kerja pembinaan FR5.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FR05 Dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam ini adalah merupakan satu inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan infrastruktur yang lebih selesa kepada pengguna jalan raya di samping dapat meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya di sepanjang jajaran tersebut. Namun begitu, daripada data perangkaan kemalangan di Jalan FR5 diperoleh dari pihak PDRM, terdapat 30 kemalangan maut pada tahun 2014 (sebelum projek bermula) dan telah berkurang kepada 13 kemalangan maut pada tahun 2018 (sewaktu pembinaan projek).

Antara isu dan masalah adalah seperti berikut:

1. Jalan Persekutuan FR5 adalah merupakan laluan jalan yang berbahaya sebelum ini kerana tiada pembahagi jalan (No Concrete Barrier) dan tiada bahu jalan berturap;
2. Kemalangan jalanraya yang berlaku di jajaran projek adalah tinggi (rujukan daripada data perangkaan PDRM).
3. Sebahagian besar jalan adalah gelap dan kurang pencahayaan.

Dengan adanya kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur ini, isu dan permasalahan di atas dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, sewaktu kerja-kerja pembinaan berlangsung, kemalangan masih berlaku disebabkan oleh penambahan jumlah lalulintas dan pemanduan yang tidak mematuhi had laju di kawasan pembinaan. Sehubungan dengan itu, beberapa penambahbaikan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Antara penambahbaikan TMP yang sedang dan akan terus dipantau adalah seperti berikut:

1. Penambahan 'Plastic Barrier' secara berperingkat untuk memperkemaskan kawasan pembinaan di jajaran projek;
2. Pembukaan Laluan 2 lorong bagi kawasan kerja yang telah siap dibina untuk keselesaan lalulintas dan keselamatan pengguna jalanraya;
3. Pemasangan kelengkapan peralatan TMP (papan tanda had laju, blinkers, delianator string dan lain lain) sedang dan akan dipasang dikawasan – kawasan yang diperlukan;
4. Penambahbaikan dan pematuhan terhadap ulasan - ulasan semasa walkabout safety dan TMP bersama pihak PDRM;
5. Pengauditan TMP dibuat secara berkala (setiap dua minggu). Skor terkini adalah 74.7%. Pihak kontraktor sedang berusaha untuk meningkatkan skor ini melebihi 80%;
6. Pewujudan Pasukan ERT (Emergency Respond Team) daripada permulaan projek di mana pasukan ini akan berada terawal di lokasi kemalangan sekiranya berlaku, bagi memberi bantuan keselamatan dan penyuraian lalulintas yang terkawal; dan

Pemasangan lampu jalan kekal sedang diusahakan bagi mengurangkan kegelapan dan kekurangan pencahayaan di sepanjang jajaran projek. Pada asalnya hanya 8% daripada keseluruhan jalan sediada diterangi oleh lampu jalan, namun apabila projek siap kelak, hanya 45% kawasan di sepanjang jajaran, 45km akan diterangi dengan lampu jalan, manakala 55% lagi tiada diperuntukkan di dalam kontrak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 56

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah bayaran balik pinjaman PTPTN yang terkini. Adakah kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk memberikan inisiatif atau diskaun bagi bayaran balik pinjaman, khusus untuk para pelajar di kalangan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2019, seramai 1,921,222 orang peminjam patut mula membayar balik pinjaman melibatkan RM20.91 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,563,404 orang peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM14.52 bilion. Walau bagaimanapun, daripada jumlah keseluruhan yang patut dikutip tersebut, sebanyak RM6.39 bilion masih lagi tertunggak dan belum dapat dikutip.

Daripada jumlah tunggakan berkenaan, sebanyak RM2.81 bilion adalah tunggakan daripada 357,818 orang peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, manakala RM3.58 bilion lagi adalah tunggakan daripada peminjam yang sedang membuat bayaran balik tetapi kurang daripada jadual yang ditetapkan.

Berkenaan dengan cadangan pemberian inisiatif atau diskaun bagi bayaran balik pinjaman, khusus untuk para pelajar dalam kalangan B40 buat masa ini Kerajaan sentiasa mengkaji dan meneliti keperluan dana pinjaman dan langkah-langkah yang bersesuaian akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa. Sekian, terima kasih. RJM 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 57

Tuan Teh Kok Lim minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing dan tempatan sejak tahun 2015 dan sasaran terkini untuk 2019 dan apakah industri yang akan diutamakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi tempoh empat (4) tahun bermula tahun 2015 hingga 2018, jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM808.3 bilion yang meliputi pelaburan asing sebanyak RM230.6 bilion (28.5%) dan pelaburan domestik sebanyak RM230.6 bilion (28.5%). Pelaburan ini melibatkan 20,868 projek serta telah dan akan menjana sebanyak 604,048 peluang pekerjaan. Projek-projek yang diluluskan ini merangkumi projek di bawah sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan.

Sehingga Februari 2019, jumlah pelaburan di dalam *pipeline* adalah sebanyak RM30.1 bilion yang terdiri daripada 481 buah projek di bawah sektor perkilangan dan perkhidmatan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM19.7 billion (65.5%) merupakan pelaburan asing dan RM10.4 billion (34.5%) pelaburan domestik. Jumlah ini disasarkan akan meningkat, kesan daripada program-program penggalakan pelaburan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan.

Selaras dengan Kajian Separuh Penggal RMK-11 (2016-2020), Kerajaan akan meneruskan sasaran terhadap tiga (3) subsektor pemangkin industri dan dua (2) subsektor pertumbuhan yang berpotensi tinggi pada tahun 2019. Tiga (3) subsektor pemangkin berkenaan ialah industri elektrik & elektronik (*Electrical & Electronic - E&E*), jentera dan kelengkapan (*Machinery & Equipment – M&E*) serta kimia dan produk kimia, manakala dua (2) subsektor pertumbuhan yang berpotensi tinggi ialah industri aeroangkasa dan peralatan perubatan. Subsektor '3+2' ini dipilih kerana kesalinghubungan yang kukuh dengan subsektor lain dan secara tidak langsung menjadi asas untuk menyokong pembangunan sektor perkilangan secara keseluruhannya.

Yang di-Pertua,

Pada 31 Oktober 2018 yang lalu, Kerajaan telah melancarkan Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 yang dikenali sebagai Industry4WRD bagi tempoh 2018 hingga 2025. Dasar ini menggariskan 13 strategi meluas yang akan mentransformasikan landskap industri perkilangan untuk masa akan datang. Dasar ini dilancarkan sebagai respons Malaysia kepada revolusi Industri 4.0 yang memerlukan transformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan untuk menjadi lebih pintar dan kukuh, dipacu tiga faktor utama iaitu manusia, proses dan teknologi. Dasar ini telah menetapkan empat (4) sasaran utama, iaitu:

- i. Meningkatkan tahap produktiviti sektor pembuatan kepada 30 peratus;
- ii. Meningkatkan sumbangan sektor berkenaan kepada ekonomi negara daripada RM254 bilion kepada RM392 bilion;
- iii. Mengukuhkan kapasiti dan kebolehan negara dalam Indeks Inovasi Global dari kedudukan 35, ke 30 ke atas; dan
- iv. Meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor pembuatan dari 18 ke 35 peratus. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 58

Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan terkini dan langkah-langkah yang di ambil untuk menjana pendapatan kerajaan supaya hutang boleh di langsaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedudukan **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] , Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah sebanyak **RM741 bilion atau 51.8%** daripada KDNK pada akhir-Disember 2018, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

2. Selain itu, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** di mana jumlah keseluruhan liability 1MDB adalah sebanyak RM50.9 bilion dan skandal kewangan lama, serta liabiliti lain seperti **bayaran pajakan kewangan (finance lease)** bagi tempoh 2017 – 2045 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership*

(PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* yang bermasalah ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2045. Secara keseluruhannya, jumlah komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan dianggarkan berjumlah **RM1.1 trilion atau sekitar 76%** daripada KDNK.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi meningkatkan kutipan hasil, seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baru. Kerajaan turut akan melaksanakan inisiatif dengan semakan semula dasar percukaian dan memanfaatkan aset. Melalui inisiatif semakan semula dasar percukaian, antara langkah yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan hasil Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Mengenakan Cukai Perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport termasuk perkhidmatan atas talian;
- ii. Melancarkan Program Khas Pengakuan Sukarela (*Special Voluntary Disclosure Program*) bagi meningkatkan pengisytiharan pendapatan oleh pembayar cukai secara sukarela;
- iii. Melaksanakan Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) dengan pihak berkuasa percukaian lain di bawah inisiatif *Organisation for Economic and Co-Operation and Development* (OECD) untuk meningkatkan ketelusan percukaian;
- iv. Mengkaji semula layanan cukai dan insentif sedia ada di bawah pelbagai perundangan bagi memastikan ianya relevan dan dapat mengurangkan ketirisan hasil;

- v. Meningkatkan aktiviti audit dan siasatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan jurang cukai.
- vi. Meningkatkan usaha membanteras aktiviti penyeludupan dan penipuan khususnya penyeludupan rokok oleh JKDM;
- vii. Mengenakan levi pelepasan (*departure levy*) bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara;
- viii. Memperkemas Cukai Keuntungan Harta Tanah (*Real Property Gains Tax*) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya;
- ix. Menaikkan kadar duti setem bagi pemindahan hartanah bernilai lebih RM1 juta daripada 3% kepada 4%;
- x. Menamatkan pengecualian cukai pendapatan faedah yang diperolehi daripada dana pasaran wang pemborong (*wholesale money market funds*) kerana dana ini telah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada kadar 24% setiap tahun sejak 2010; dan
- xi. Menaikkan kadar cukai, fi dan levi ke atas sektor perjudian yang tidak dinaikkan sejak tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Secara amnya, Kerajaan akan terus membuat pinjaman baru pada setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman bagi membiayai semula hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Hutang langsung Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (*surplus*) yang mencukupi untuk membiayai hutang dan perbelanjaan pembangunan. Sekiranya ini berlaku, Kerajaan

Persekutuan tidak lagi perlu membuat pinjaman baru untuk membiayai defisit seterusnya dapat mengurangkan kedudukan hutang negara.

5. Dalam usaha mengurangkan paras hutang ini, Kerajaan harus melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan bagi memastikan konsolidasi fiskal dapat diteruskan. Perbelanjaan pembangunan juga akan dikaji semula bagi mengutamakan projek-projek yang berimpak tinggi serta memberhentikan projek-projek mega yang berkos tinggi dan diluar kemampuan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan langkah berhemah yang diambil oleh Kerajaan tidak akan menjejaskan keyakinan pelabur terhadap Malaysia serta memastikan kadar pertumbuhan negara kekal memberangsangkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian atau pegangan Malaysia terhadap isu Kashmir dan orang-orang Islam yang dianiaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sesungguhnya peka dan mengambil berat terhadap isu yang berlaku di Kashmir. Pergolakan yang berlaku sejak dari tahun 1947 adalah berpunca daripada perebutan di antara pihak India dan Pakistan ke atas wilayah tersebut.

3. Tiga peperangan telah berlaku di antara pihak India dan Pakistan sebelum ini yang menuntut penguasaan penuh ke atas wilayah Kashmir dan ini telah menjurus kepada Perjanjian Simla pada tahun 1972. Perjanjian ini menjadi asas kepada hubungan di antara India dan Pakistan dan wujudnya garisan gencatan senjata atau juga lebih dikenali sebagai Line of Control (LoC), yang membahagikan wilayah Kashmir kepada dua kawasan yang dikuasai oleh India dan Pakistan, sekaligus menjadikan situasi di Kashmir lebih terkawal. Namun begitu, pada akhir tahun 2015 dan awal 2016, gerakan militan dan radikalisme penduduk Islam di Kashmir semakin

meningkat. Faktor-faktor yang menyebabkan penambahan gerakan tersebut termasuklah kekurangan platform bagi mengutarakan pandangan, kekurangan peluang ekonomi, kekecewaan akibat pengangguran yang tinggi, tindakan keselamatan di ruang awam yang berlebihan dan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang berulang oleh pasukan keselamatan.

4. Terkini, serangan pengganas yang didalangi oleh kumpulan Jaish-e-Muhammad (JeM) pada 14 Februari 2019 ke atas konvoi pasukan keselamatan India di Pulwama yang terletak berhampiran Srinagar, Jammu & Kashmir telah mengakibatkan kira-kira 40 anggota keselamatan India terkorban. Serangan pengganas ini telah mencetuskan kemarahan di pihak India dan mereka telah mengambil tindakan balas dengan melancarkan serangan udara pada 26 Februari 2019 ke atas tempat yang didakwa sebagai kem latihan pengganas JeM, iaitu berdekatan dengan LoC di kawasan yang dikuasai oleh Pakistan. Tindakan yang diambil oleh pihak India ini telah mengakibatkan situasi di Kashmir menjadi semakin goyah dan tidak menentu.

5. Malaysia mengutuk serangan pengganas yang berlaku di Pulwama. Wisma Putra telah mengeluarkan kenyataan pada 15 Februari 2019. Kita telah juga mengeluarkan Kenyataan Akhbar pada 27 Februari 2019 yang menggesa pihak India dan Pakistan agar tidak mengambil tindakan yang akan memudaratkan lagi keadaan serta menggesa supaya kedua-dua pihak berunding bagi mencari jalan penyelesaian.

6. Walaupun Malaysia mengamalkan dasar tidak campur tangan, namun dalam situasi sebegini yang boleh menjejaskan kestabilan serantau, adalah penting bagi Malaysia untuk menyuarakan kebimbangan dan sentiasa menekankan agar isu Kashmir ini diselesaikan menerusi dialog aman di antara pihak India dan Pakistan. Dalam hal ini, Malaysia bersama dengan rakan-rakan ASEAN turut mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung isu ketegangan antara India dan Pakistan ketika ini dan berharap agar kedua-dua pihak dapat mencari penyelesaian damai terbaik dalam memastikan keamanan dan kestabilan serantau.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : 60

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk menambah baik ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya di Malaysia sepertimana yang dijanjikan di dalam Buku Harapan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan **sedang meneliti dan mengkaji cadangan-cadangan reformasi pilihan raya** seperti mana yang dinyatakan di dalam “**Janji 17 – Menjamin Ketelusan dan Kemodenan Sistem Pilihan Raya, Buku Harapan**” dan juga pandangan daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Parlimen berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (2012), *Institutional Reforms Committee* (IRC), masyarakat sivil, badan bukan Kerajaan, parti-parti politik dan ahli-ahli akademik.

Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee* - ERC) untuk mengkaji semula sistem dan undang-undang pilihan raya di Malaysia. Suruhanjaya Pilihan Raya juga sedang bekerjasama dengan ERC untuk meneliti perkara-perkara tersebut.

Dalam melaksanakan penambahbaikan ini, tempoh masa yang bersesuaian diperlukan sebelum pertimbangan yang sewajarnya dapat dibuat terhadap cadangan-cadangan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : 61

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi hukuman kepada individu yang didapati sengaja menghina atau mencetuskan provokasi baik daripada segi agama atau kaum, semoga kebebasan media yang diberikan sedia ada tidak disalah guna sewenang-wenangnya oleh pihak tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita kini menghadapi satu cabaran baru berikutan pertambahan kes-kes kenyataan berbaur hasutan yang menjadi viral dalam media sosial. Untuk menangani gejala ini, pihak polis menjalankan siasatan dan membuka kertas siasatan terhadap laporan polis yang melibatkan penghinaan terhadap agama Islam atau Institusi Beraja serta mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Hasutan 1948 atau Kanun Keseksaan ataupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Secara keseluruhannya sejak tahun 2012 sehingga 2019, pihak Polis Diraja Malaysia telah menyiasat 97 kes pembuli media sosial yang menghina Raja-raja Melayu dan Yang diPertuan Agong. Dari jumlah tersebut, 11 individu telah dituduh di mahkamah. Antara langkah-langkah yang diambil untuk kerajaan menjamin kes penghinaan sebegini tidak berulang lagi ialah:

- (i) meningkatkan kesedaran masyarakat supaya lebih peka dan sensitif terhadap sentimen perkauman, keagamaan dan Institusi Raja Berperlembagaan melalui kempen-kempen kesedaran bersama orang awam;
- (ii) membuat kajian terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia supaya akta berkenaan lebih berkesan dan menyeluruh terutamanya dalam menangani kenyataan-kenyataan di media sosial yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat; dan
- (iii) menubuhkan unit pemantau dan siasatan terhadap penyalahgunaan media sosial di peringkat daerah dan kontinjen.

Dalam menentukan keselamatan negara dan keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara, Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman dan perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman dan keharmonian yang dinikmati oleh rakyat selama ini.

Tindakan tegas akan terus diambil terhadap pihak-pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi dalam apa jua bentuk sekali pun sama ada menerusi penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak tenteram di dalam masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN : 62

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha yang dilakukan bagi memantau dan mengawal perekaan, penerbitan dan penularan berita tidak benar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan bersuara kepada semua warganegara. Walau bagaimanapun, Fasal 2 Perkara yang sama memberikan Parlimen kuasa untuk mengenakan had-had yang wajar ke atas kebebasan bersuara demi melindungi keselamatan dan kepentingan negara.
2. Gejala penularan berita palsu dewasa ini merupakan isu yang dihadapi oleh pelbagai negara dan semakin meruncing dengan peningkatan jumlah pengguna Internet, terutamanya pengguna media sosial. Faktor kedegilan pengguna yang masih cenderung untuk menyebarkan berita palsu walaupun ianya merupakan kesalahan dan boleh didakwa di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) juga penyumbang kepada gejala ini.

3. Antara tahun 2018 sehingga Februari 2019, sejumlah **47** kertas sisatan telah dibuka oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung penyebaran berita palsu, dan **5** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Usaha yang berterusan akan dibuat oleh SKMM selaras dengan laporan dan aduan awam yang diterima, terutamanya apabila melibatkan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian perhubungan antara berbilang kaum dan agama di dalam negara.

4. Kementerian melalui SKMM juga telah mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala ini dengan menjalinkan kerjasama meliputi aspek-aspek pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan forensik digital dengan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM dalam membendung penyalahgunaan Internet, khususnya kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat tidak sahih/ palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara.

Tuan Yang Dipertua,

5. Selain aktiviti penguatkuasaan, pihak Kementerian melalui SKMM juga telah mewujudkan portal sebenarnya.my pada Mac 2017 yang kini menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Portal tersebut secara purata menerima sekitar 2.4 juta *hits* setiap bulan. Dengan kewujudan portal ini diharap penyebaran berita palsu dapat ditangani dengan lebih berkesan dan sekaligus memberi persepsi positif kepada Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi dan langkah kerajaan bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dari China memandangkan terdapat kira-kira 300 daripada 500 syarikat China utama yang disenaraikan di Fortune Magazine masih belum membuat pelaburan di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Prestasi Pelaburan dari Republik Rakyat China (RRC) bagi 2018

1. Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan dari Republik Rakyat China (RRC) bagi tahun 2018, adalah sebanyak RM19.7 bilion (2017: RM3.9 bilion). Pelaburan tersebut melibatkan 40 projek (2017: 20 projek) dan dijangka menjana 11,439 peluang pekerjaan (2017: 4,767 peluang pekerjaan). Jumlah pelaburan ini mencatatkan peningkatan yang besar sebanyak 405% dan merupakan pelaburan langsung asing yang tertinggi dicatatkan sehingga kini.
2. Antara industri yang telah menyumbang kepada jumlah pelaburan tersebut adalah industri barangan petroleum termasuk barangan petrokimia (RM8.3 bilion), diikuti dengan industri barangan logam asas (RM5.3 bilion), industri barangan getah (RM2.2 bilion), serta industri kertas, percetakan dan penerbitan (RM1.4 bilion).

Pelaburan Asing yang Disasarkan

3. Kementerian ini sedia maklum mengenai 300 daripada 500 syarikat RRC utama yang disenaraikan di Majalah *Fortune* masih belum membuat pelaburan di Malaysia. Agensi-agensi di bawah Kementerian ini iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta InvestKL sentiasa berusaha untuk membawa masuk pelaburan asing. Daripada 500 syarikat dari RRC yang tersenarai, terdapat juga syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor hartanah dan sektor pembuatan yang berintensifkan buruh, yang bukan merupakan pelaburan sasaran bagi Malaysia.

4. Bagi meningkatkan nilai tambah pelaburan asing ke atas ekonomi negara, Kerajaan menyasarkan pelaburan asing berkualiti yang dapat menyumbang kepada peningkatan teknologi negara, pembangunan rangkaian bekalan tempatan dan peningkatan hasil eksport Malaysia. Pelaburan dari RRC juga tidak terkecuali. Kerajaan turut menggalakkan pelaburan asing dalam projek-projek yang berasaskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah yang tinggi, seperti pembuatan pintar (*smart manufacturing*) dan automasi. Projek-projek ini khususnya digalakkan dalam sektor elektronik dan elektrik, jentera dan logam serta kimia.

Pendekatan Kerajaan dalam Menarik Pelaburan Berkualiti dari RRC

5. Sebagai usaha berterusan dalam menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dari RRC, Kerajaan telah merangka dan melaksanakan strategi dan langkah, termasuk:

- (i) Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke RRC untuk menyakinkan pelabur-pelabur berpotensi tentang peluang pelaburan di Malaysia terutamanya dalam sektor-sektor yang disasarkan.
- (ii) Menggalakkan penyertaan secara inisiatif swasta ke eksplo dan program penggalakan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Sebagai contoh, MITI menggalakkan

penyertaan sektor swasta dalam Belt & Road Summit (BRS) yang akan diadakan dari 11-12 September 2019 bertempat di Hong Kong. Program ini menyediakan platform bagi menarik pelaburan berkualiti ke Malaysia serta menerokai peluang pelaburan luar negara melalui project pitching sessions.

- (iii) Mempermudah fasilitasi perdagangan termasuk kemasukan pelaburan dari RRC ke sektor-sektor sasaran melalui platform kerjasama ekonomi dua hala antara kerajaan (G2G), seperti Program Lima Tahun Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan yang telah bermula sejak tahun 2013;
- (iv) Mewujudkan jalinan kerjasama dengan wilayah atau bandaraya di RRC dalam usaha memudahkan akses perdagangan dan pelaburan Malaysia ke pasaran sasaran yang berpotensi tinggi. Selaras dengan usaha ini, lawatan promosi perdagangan akan dirancang untuk menerokai pasaran di wilayah-wilayah yang berpotensi.
- (v) Mengukuhkan kerjasama antara agensi Kerajaan Malaysia dengan institusi-institusi swasta RRC (G2B), contohnya, MIDA telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan bank-bank RRC untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia. Bank-bank ini termasuk *Bank of China* (BOC), *Industrial and Commercial Bank of China* (ICBC) dan *China Construction Bank* (CCB);
- (vi) Meneruskan strategi promosi pelaburan sedia ada yang berkesan dan bertujuan menyasarkan syarikat-syarikat berteknologi tinggi, seperti *Specific Project Mission*, Persidangan Meja Bulat dan penubuhan *War Room* di MIDA bagi mudah cara kemasukan projek-projek pelaburan berkualiti tinggi dan berkepentingan tinggi kepada negara;
- (vii) Menarik pelaburan dari RRC dalam sektor teknologi pengguna, sektor teknologi pintar dan *Internet of Things* (IoT) serta sektor alat perubatan dan penjagaan kesihatan.

Didapati bahawa syarikat-syarikat RRC dalam sektor-sektor ini cenderung untuk memperluas pelaburan di luar RRC;

- (viii) Meliberalisasikan sub-sektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan;
- (ix) Menawarkan insentif galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal secara selektif, dalam mempromosi industri strategik yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe-11) – iaitu tiga subsektor pemangkin iaitu kimia, elektrik dan elektronik (E&E) serta mesin dan peralatan; berserta dua sektor berpotensi tinggi iaitu peranti perubatan dan aeroangkasa;
- (x) Menawarkan insentif untuk sektor sasaran iaitu sektor industri baru muncul (*emerging industry*) dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber alternatif, elektronik berdaya maju (*advanced electronics*), bioteknologi, fotonik, petrokimia dan sektor perkhidmatan seperti hub prinsipal, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

6. Kementerian ini akan terus mengambil langkah-langkah proaktif dan sedia bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain dalam menjayakan usaha menarik pelaburan berkualiti dari RRC.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 64

Dato Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa terjadi dengan cadangan untuk menggantikan SK St. Theresa Serian yang telah disahkan tidak selamat untuk digunakan oleh pihak JKR tetapi masih digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pihak KPM akan menutup SK. St. Theresa secara berperingkat setelah disahkan tidak selamat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Selain daripada itu, pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) juga tidak lagi membenarkan sekolah tersebut beroperasi di premis dan tapak mereka. Penutupan sekolah telah dipersetujui oleh ibu bapa. Sebagai jalan penyelesaian, KPM akan membina sebuah sekolah baharu iaitu SK Sri Sadong menggantikan sekolah tersebut.

Untuk makluman, pembinaan sekolah tersebut telah diluluskan oleh KPM. Namun, pembinaannya mengalami kelewatan disebabkan oleh urusan berkaitan jalan masuk ke sekolah tersebut yang berbukit dan memerlukan kos tambahan. Walau bagaimanapun, perkara tersebut telah dapat diselesaikan oleh KPM dan peruntukan tambahan bagi tujuan tersebut telah diperolehi. Status terkini pembinaan SK Sri Sadong, Serian adalah di peringkat penyediaan reka bentuk.

Sekian, terima kasih. RJM 151

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 10.4.2019 (RABU)

SOALAN : 65

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berkenaan dengan keperluan perancangan dan tindakan untuk penambah baikan kaedah pemberian, kelulusan dan pelaksanaan projek PPRT Bina-Baru dan baik pulih sebelum ini dan semasa. Memandangkan masih ramai lagi golongan yang lebih memerlukan tetapi masih sekian lama terpinggir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara purata, permohonan bantuan rumah yang diterima setiap tahun adalah berjumlah lebih 30 ribu permohonan. Walau bagaimanapun, peruntukan tahunan yang diterima oleh Kementerian untuk program bantuan rumah hanyalah mencukupi untuk bantuan kepada sekitar 10 ke 12 ribu buah rumah sahaja setahun bagi bina baharu dan baik pulih rumah.

Oleh yang demikian, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tahun 2019 telah ditambah baik dalam beberapa perkara untuk memastikan pelaksanaan yang lancar dan impak yang lebih besar.

Antara perkara yang telah ditambah baik adalah perubahan spesifikasi dan rekabentuk PPRT sedia ada yang melibatkan pengurangan kos sehingga 18%. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak menjejaskan kualiti serta skop PPRT sedia ada iaitu dengan keluasan 660 kaki persegi dan 3 bilik tidur.

Selain itu, kaedah pembinaan secara Industrialised Building System (IBS) telah diperkenalkan untuk mengurangkan tempoh dan kos pembinaan disamping mengekalkan spesifikasi dan kualiti berbanding kaedah konvensional. Pengurangan kos ini membolehkan bantuan diberikan kepada penerima yang lebih ramai berdasarkan kepada peruntukan keseluruhan sedia ada.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, sumber data penerima PPRT adalah melalui sistem E-Kasih, Focus Group Daerah/Negeri, permohonan individu/berkelompok, aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) dan program *Search and Assist* oleh pegawai kementerian serta agensi. Kepelbagaian sumber data penerima PPRT memastikan bantuan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh.

Pemilihan penerima PPRT bagi tahun 2019 melibatkan proses tapisan secara berperingkat. Selain daripada data *focus group* daerah dan e-kesih siasatan dan verifikasi kelayakan pemohon akan dilakukan oleh agensi KPLB atau pegawai kementerian di negeri. Permohonan yang layak akan diangkat untuk kelulusan jawatankuasa di peringkat kementerian dan penilaian teknikal akan dilaksanakan oleh agensi pelaksana sebelum proses pembinaan dimulakan. Proses pemilihan ini dapat memastikan penerima yang benar layak menerima bantuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI
(LABUAN)**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN

YB DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah beliau sedar banyak projek-projek pembinaan di Labuan gagal disiapkan mengikut masa yang dijadualkan dan ramai kontraktor mengalami kerugian disebabkan kos pembinaan di Labuan 50% lebih tinggi daripada Semenanjung dan 30% lebih tinggi daripada Sabah. Adakah ianya tidak diambil kira apabila pelantikan kontraktor dibuat selama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar terdapat projek yang dilaksanakan di Labuan gagal disiapkan mengikut masa yang dijadualkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bersetuju akan pandangan kelewatan tersebut disebabkan semata-mata perbezaan kos pembinaan di Labuan dengan tempat-tempat lain.

Dalam konteks ini, Kementerian menggunakan pendekatan analisis statistik bagi menentukan paras harga yang dianggap munasabah untuk diperakukan bagi satu-satu projek. Analisis statistik ini menggunakan input yang dikemukakan oleh pembida yang menyertai pelawaan tender tersebut dan tidak hanya bergantung kepada anggaran jabatan. Di samping itu, analisis statistik adalah berdasarkan kadar harga tempatan yang dikemukakan oleh pembida tempatan tanpa dipengaruhi oleh kadar harga di tempat lain.

Oleh yang demikian, perbezaan harga tempatan dengan harga tempat lain telah diambil kira sebagai asas pertimbangan Kementerian dalam memilih pembida-pembida yang berjaya. Andaikata bagi projek-projek tertentu, kadar harga yang disetuju terima adalah lebih rendah daripada sepatutnya, ini adalah disebabkan oleh kebanyakan pembida mengemukakan bidan yang rendah menjadikan paras harga yang dianggap munasabah rendah diperakukan bagi projek berkenaan. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]**

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan cadangan-cadangan Kerajaan untuk membangunkan ekonomi Kelantan supaya negeri ini dapat turut mengecapi kemajuan ekonomi negara selari dengan sasaran Malaysia menjadi negara maju menjelang 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian bagi meningkatkan tahap pembangunan di seluruh negara bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan semua rakyat, termasuk di negeri Kelantan. Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan dalam Tonggak Ke-3 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang. Antara keutamaan Kerajaan adalah memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah dan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

2. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun, termasuk negeri Kelantan. Di bawah *Rolling Plan* 4 (2019) RMKe-11, negeri Kelantan telah pun diperuntukkan sejumlah RM1.38 billion atau 2.5% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 13.3%, iaitu sebanyak RM162 juta daripada tahun sebelumnya (RM1.21 bilion pada 2018). Peruntukan tersebut adalah

bagi melaksanakan sebanyak 37 projek baharu dan 216 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sektor ekonomi terpilih yang boleh meningkatkan potensi ekonomi akan terus dibangunkan dengan memanfaatkan sumber kekayaan yang dimiliki Kelantan. Tumpuan akan diberi kepada industri yang berasaskan nilai ditambah yang tinggi, teknologi termaju dan inovasi serta berintensif pengetahuan. Dalam hal ini, beberapa projek berimpak tinggi sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi pembangunan negeri Kelantan. Antaranya adalah projek Taman Industri Halal Pasir Mas, Taman Industri Tok Bali dan Pembangunan Semula Kampung Laut. Projek-projek ini berpotensi menarik lebih banyak peluang pelaburan ke negeri Kelantan dan bakal mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada masyarakat setempat.

4. Dalam menyediakan ketersambungan yang lebih baik di Kelantan, Projek Central Spine Road (CSR) antara Bentong, Pahang ke Gua Musang, Kelantan sedang dalam fasa pembinaan. Kerajaan juga komited untuk meneruskan ketersambungan Projek CSR sehingga ke Kuala Krai, Kelantan. Seterusnya, lanjutan daripada Projek CSR, ketersambungan diteruskan dengan Projek Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai (KB - KK) yang juga dalam fasa pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup penduduk luar bandar Kelantan dengan memastikan akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan. Dalam hal ini, sebanyak RM138 juta telah diluluskan di bawah peruntukan RP4 (2019) RMKe-11 untuk pembangunan luar bandar Kelantan. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

6. Bagi projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Kerajaan juga melalui KPLB telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM2.88 juta dan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar ini akan membekalkan kemudahan elektrik 24 jam kepada 509 buah rumah di Kelantan. Projek ini meliputi beberapa kawasan termasuklah di Bachok, Kota Bharu, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat, Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli.

7. Secara amnya, usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang merentasi semua negeri diharap akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
10 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YB. TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]****TARIKH : 10 APRIL 2019****SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senarai statistik kelulusan program "Malaysia My Second Home" (MM2H) dari bulan Mei 2018 hingga kini mengikut negara asal pemohon dan berapa permohonan yang sedang menunggu mengikut negara asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Ogos 2018, sejumlah 1,951 permohonan warga asing telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas MM2H yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Imigresen Malaysia. Perincian kelulusan mengikut negara asal pemohon adalah seperti berikut:

BIL	WARGANEGARA	JUMLAH
1.	China	838
2.	Republik Korea	264
3.	Jepun	142
4.	Bangladesh	128
5.	Hong Kong	122
6.	United Kingdom	58
7.	Taiwan	45
8.	Australia	42
9.	Amerika Syarikat	42
10.	India	38
11.	Lain-lain	182
	JUMLAH KESELURUSHAN	1,951

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah memutuskan bahawa semua permohonan baharu untuk penyertaan Program MM2H serta permohonan visa lawatan jangka panjang ke Malaysia hendaklah mendapat kelulusan YB Menteri Dalam Negeri (MDN). Susulan daripada arahan tersebut, Pusat MM2H, MOTAC telah diarahkan untuk menanggungkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas MM2H sehingga prosedur kelulusan baru Program MM2H dimuktamadkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Seterusnya, KDN telah menggariskan prosedur kelulusan baru Program MM2H melibatkan perubahan terma Mesyuarat Jawatankuasa Khas Program MM2H daripada meluluskan semua permohonan MM2H kepada memperakukan semua permohonan MM2H kepada YB MDN.

Berikutan daripada penangguhan Mesyuarat sejak September 2018, Pusat MM2H, MOTAC telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi menyelesaikan semua permohonan yang telah diterima untuk diproses dalam tempoh empat (4) bulan iaitu bermula pada 4 Mac 2019 sehingga 3 Julai 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
(BELURAN)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 69

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah terbaik yang dilakukan Kementerian untuk memastikan kadar pengangguran di Malaysia tidak meningkat ke arah membimbangkan.

PN-1412- L03002

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kadar pengangguran di Malaysia berada pada paras kurang daripada 4 peratus, kadar tersebut boleh dianggap sebagai kadar pengangguran guna tenaga penuh sebagaimana ahli-ahli ekonomi berpendapat kadar pengangguran guna tenaga penuh wujud apabila kadar pengangguran sesebuah negara mencapai kadar 5 hingga 6 peratus.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu siswazah yang baru menamatkan pengajian dan pencari kerja yang telah bekerja dan ingin meningkatkan kerjaya. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun bagi memudahkan para bakal graduan, lepasan graduan dan belia untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan melalui program-program berikut iaitu Penempatan Melalui Portal *JobsMalaysia*, Karnival Kerjaya, *Client Account*, Temuduga Terbuka, Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Student (HOPS)*, Penyesuaian Kerjaya, Kembara Kerjaya, Penempatan Dengan Kerjasama Agensi Pekerjaan Swasta dan Penempatan Golongan Khas.

3. Pada tahun 2018, *JobsMalaysia* telah berjaya menempatkan seramai 168,677 (98.1%) pencari kerja mendapat pekerjaan (*jobs placement*). Daripada jumlah tersebut, seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan yang dilaksanakan oleh JTK sepanjang tahun. Penempatan melalui Portal *JobsMalaysia* seramai 14,648 golongan belia diantara umur 15 tahun sehingga 39 tahun telah mendapat pekerjaan.

4. Dalam jangkamasa panjang, KSM juga sebagai agensi peneraju utama dalam merangka halatuju dan strategi melalui pelan strategik 2016-2020 bagi pembangunan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) Malaysia bagi memacu pembangunan sumber manusia berkemahiran untuk memenuhi industri, serta mengurus perdana pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) selaras industri 4.0.

5. Kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), telah menggariskan strategi untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, memperkasa institusi pengajian bertanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi serta menambah baik kualiti pendidikan TVET negara agar kadar penyertaan graduan dan belia ke dalam pasaran tenaga kerja.

SOALAN NO: 69

6. Kerajaan Pakatan harapan pada masa ini turut memberi tumpuan kepada dan pengukuhan ekonomi domestik serta lebih banyak *Foreign Direct Investment (FDI)* yang menyumbang penghasilan *high value jobs* dan *knowledge worker* berpendapatan tinggi yang berterusan dalam jangka panjang agar merangsang pertumbuhan ekonomi negara seterusnya untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru (*new jobs creation*) dalam negara di pelbagai sektor ekonomi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan statistik bilangan atlet dalam program MSN, berapa yang dinaikkan elaun dan dikurangkan elaun, jumlah elaun yang dinaikkan dan dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) telah melakukan penstrukturan semula program latihan Podium dan Kita Juara pada bulan November 2018. Program latihan ini memberi penekanan kepada prestasi atlet (*performance based*) berdasarkan sasaran pingat di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA. Prestasi atlet akan dijadikan penentu kepada imbuhan latihan atlet. Manakala, bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Olimpik pula, pihak Kementerian akan memberi perhatian kepada kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat dunia yang akan menjadi indikator kepada prestasi atlet. Seramai 503 atlet telah dikenalpasti untuk diberikan tawaran ke dalam program latihan ini. Manakala bagi sukan paralimpik pula, seramai 142 telah diberikan tawaran.

2. Berdasarkan kepada kadar elaun latihan yang baru ini, seramai 140 atlet telah menerima kenaikan kadar elaun latihan, 211 atlet menerima kadar elaun kekal, tiga (3) atlet menerima pengurangan kadar elaunnya manakala 149 atlet adalah atlet baru yang menerima tawaran.

Perbezaan penerimaan kadar elaun ini adalah berdasarkan kepada penilaian prestasi mereka sepanjang tahun 2017 dan 2018.

3. Manakala bagi atlet paralimpik pula, seramai 66 atlet menerima kenaikan kadar elaun, lima (5) atlet menerima penurunan kadar elaun, 57 atlet menerima kadar elaun kekal dan 14 atlet merupakan atlet baru yang menerima tawaran.

4. Kementerian melalui MSN telah memperkenalkan skim latihan atlet berdasarkan prestasi atlet (*performance based*), setelah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Atlet. Atlet peringkat Sukan Olimpik akan menerima elaun RM7,500, Sukan Asia dan Komanwel akan menerima RM6,000 atau RM4,500, Kejohanan Dunia/Asia/Komanwel akan menerima sebanyak RM3,500, Sukan SEA sebanyak RM2,000, atlet program asas sebanyak RM800 dan atlet separa masa pula sebanyak RM500.

5. Pihak Kementerian berharap agar skim elaun latihan yang baharu ini serta keputusan mengekalkan elaun latihan bekas atlet Podium akan menjadi pemangkin kepada mereka untuk terus cemerlang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR
(JOHOR BAHRU)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) bilangan aduan yang diterima berkaitan diskriminasi kaum, jantina dan OKU di tempat kerja oleh majikan sejak tahun 2013; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani isu diskriminasi di tempat kerja atau dalam sektor pekerjaan yang berkaitan dengan pemberian gaji dan kenaikan pangkat.

PN-1412- L03326

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikut adalah bilangan aduan berhubung diskriminasi kaum, jantina dan Orang Kurang Upaya (OKU) di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dari tahun 2013 sehingga Mac 2019:

Jadual 1: Bilangan Aduan Berhubung Diskriminasi Kaum, Jantina Dan Orang Kurang Upaya (OKU) Dari Tahun 2013 Sehingga Mac 2019.

Bil	Aduan	Bilangan Mengikut Tahun							Jumlah
		2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	
1.	Diskriminasi kaum	1	9	2	5	15	11	9	52
2.	Diskriminasi seks	0	3	2	1	0	0	1	7
3.	OKU	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	12	4	6	15	11	10	59

Sumber: Labour Market Database (LMD), JTKSM

Tuan Yang Di Pertua,

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) tiada data berhubung diskriminasi terhadap OKU. Walau bagaimanapun JTK mempunyai bilangan aduan terhadap amalan perburuhan yang tidak adil (*unfair labour practice*). Berikut adalah bilangan aduan mengikut tahun daripada tahun 2013 sehingga Mac 2019:

SOALAN NO: 71

Jadual 2: Bilangan Aduan Terhadap Amalan Perburuhan Yang Tidak Adil Mengikut Tahun Daripada Tahun 2013 Sehingga Mac 2019

Bilangan Aduan Amalan Perburuhan Yang Tidak Adil							
2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	Jumlah
1	10	8	3	13	9	20	64

Sumber: Labour Market Database (LMD), JTKSM

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kementerian ini menandang serius setiap aduan yang melibatkan penggajian, amalan perburuhan, diskriminasi dan keharmonian di tempat kerja. Ini adalah untuk memastikan kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja mematuhi undang-undang dan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. JTK akan membuat siasatan terhadap semua aduan yang diterima dalam tempoh yang ditetapkan di Piagam Pelanggan. Hasil daripada siasatan berkenaan akan dimaklumkan kepada pengadu dan pengadu akan diterangkan berhubung tindakan selanjutnya yang boleh diambil terhadap majikan dimana aduan berkenaan adalah berasas. JTK akan membuat siasatan dalam lingkungan kuasa yang diberikan di bawah akta-akta perburuhan sepaerti Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan menguatkuasakan terma-terma yang telah dipersetujui oleh majikan dan pekerja di dalam kontrak pekerjaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 10 APRIL 2019

SOALAN : 72

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Akta Hasutan 1948 masih belum dimansuhkan walaupun perkara ini telahpun dijanjikan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan janji Manifesto, Kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948. Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan untuk menilai dan memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci terutama yang tidak selari dengan piawaian hak asasi manusia selain mengenalpasti implikasi-implikasi keselamatan yang akan timbul jika dimansuhkan.

Kerajaan memberi jaminan bahawa sebarang pindaan atau pemansuhan terhadap Akta Hasutan berkenaan akan mengambil kira keperluan dalam memelihara keselamatan Negara dan ketenteraman awam.

Kementerian berpandangan bahawa pemansuhan Akta Hasutan 1948 hanya boleh dipertimbangkan setelah seksyen-seksyen khusus mengenai kesalahan-kesalahan yang melibatkan institusi Diraja, kaum dan agama tersebut dipindahkan dan dimasukkan ke dalam undang-undang lain sedia ada seperti Kanun Keseksaan atau pun diwujudkan undang-undang baru.

Pada masa ini, Akta Hasutan 1948 hanya akan digunakan bagi kesalahan-kesalahan yang menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian kaum. Ini perlu bagi pihak polis menyiasat kes-kes tersebut dimana penggunaan akta tersebut dibuat secara berhemah dan hanya jika kes mempunyai bukti asas yang kukuh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL
(LEMBAH PANTAI)

TARIKH : 10 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 73

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab-sebab utama kurangnya penyertaan golongan wanita dalam pasaran pekerjaan, serta undang-undang yang perlu digubal atau dipinda untuk memastikan suasana pekerjaan adalah lebih mesra wanita serta melindungi hak wanita.

PN-1412- L03601

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kadar semasa penyertaan wanita dalam tenaga kerja hanya berada pada paras 54.7% bagi tahun 2018 berbanding dengan 80.1% bagi lelaki. Kerajaan telah mensasarkan peningkatan kepada 56.5 peratus tenaga buruh wanita pada tahun 2020. Daripada jumlah yang tidak bekerja, 60% atau 2.6 juta wanita memaklumkan bahawa bebanan kerja di rumah adalah sebab utama mereka tidak menyertai pasaran kerja.
2. Walau bagaimanapun, wanita bekerjaya cenderung untuk keluar dari tenaga kerja pada usia lewat 20-an hingga awal 30-an, demi memenuhi komitmen keluarga. Ini termasuk wanita tunggal yang berhenti dari kerjaya kerana sebab-sebab peribadi termasuk menjaga ahli keluarga seperti ibu bapa mereka yang tua.
3. Menurut laporan kaji selidik TalentCorp ACCA *Retaining Women in the Workforce 2013*, tiga sebab teratas golongan wanita meninggalkan tenaga kerja adalah untuk menjaga anak dan keluarga, kekurangan keseimbangan kerjaya dan kehidupan serta komitmen untuk menjaga ahli keluarga.

SOALAN NO: 73

4. Bagi meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam pasaran pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah menyediakan beberapa inisiatif seperti *Career Comeback Programme* dan *Work-Life Practices*.
5. Kerajaan juga merangka dasar untuk menggalakkan penyertaan wanita terlibat dalam pasaran kerja seperti berikut:
- i. Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di bangunan Kerajaan
 - ii. *Flexible Working Arrangement (FWA)*
 - iii. Cuti kuarantin sebanyak 5 hari (tanpa rekod) untuk penjawat awam yang perlu menjaga anak yang perlu dikuarantinkan.
 - iv. Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2017 : Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam kepada Pegawai Wanita Mengandung.
 - v. Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010